

UNDANG2 IKTISAS PEGUAM, 1982

SUSUNAN BAB2.

BAHAGIAN I

PERMULAAN

BAB.

1. Gelaran pendek dan permulaan.
2. Tafsiran.

BAHAGIAN II

PENERIMAAN MASOK PEGUAMBELA2 DAN PEGUAMCHARA2

Kelayakan2 dan tatachara bagi penerimaan masok

3. Orang2 yang berkelayakan.
4. Penerimaan masok peguambela2 dan peguamchara2.
5. Permohonan2 bagi penerimaan masok di-bawah bab 4.
6. Penyampaian dokumen2 dan bantahan2.
7. Penerimaan masok teristimewa.
8. Penerimaan masok sementara.

Perbicharaan dan hak merayu

9. Perbicharaan dan hak merayu.
10. Pengakuan dan pendaftaran.
11. Salah kenyataan.
12. Pengishtiharan oleh Hakim Besar bahawa ada terdapat peguambela2 yang menchukopi di-dalam Negeri.

BAHAGIAN III

SURAT2 AKUAN MENJALANKAN AMALAN

13. Surat2 akuan menjalankan amalan.
14. Larangan bagi surat akuan menjalankan amalan.
15. Daftar peguam2.
16. Pembatalan surat2 akuan menjalankan amalan.

BAHAGIAN IV

KEISTIMEWAAN2 BAGI PEGUAMBELA2 DAN PEGUAMCHARA2

17. Keistimewaan2 bagi peguambela2 dan peguamchara2.

18. Kelayakan² untuk menjalankan amalan.
19. Tiada sebarang orang yang tiada kebenaran akan bertindak selaku peguambela dan peguamchara.
20. Pengechualian² terhadap bab 19.
21. Penchatetan dokumen² dan suratchara².
22. Tiada sebarang belanja pembicharaan (costs) boleh di-perolehi kembali oleh orang yang tiada kebenaran.

BAHAGIAN V

AMALAN PROFESSIONAL, KELAKUAN DAN TATATERTIB

23. Atoran² mengenai kira² dan faedah terhadap wang client.
24. Laporan jurukira.
25. Peguambela dan peguamchara tidak boleh bertindak dalam beberapa perkara.
26. Pekerja² peguambela² dan peguamchara².
27. Kira² oleh peguambela dan peguamchara.
28. Surat akuan sementara.

BAHAGIAN VI

TINDAKAN² TATATERTIB

29. Kuasa untuk memotong dari daftar atau menggantung atau memberi amaran (censure).
30. Perintah untuk menunjukkan sebab.
31. Menulis perintah.
32. Rayuan daripada Mahkamah Tinggi kepada Mahkamah Ulang-Bichara.
33. Permohonan peguambela dan peguamchara untuk mengeluarkan nama-nya sendiri dari daftar.
34. Perintah² memburokkan hendak-lah di-chatitkan dalam daftar.
35. Kemasokan kembali ka-daftar.
36. Harga perbelanjaan (costs).
37. Ketiadaan orang² yang berkenaan.
38. Syarat² mengenai bukti keterangan.
39. Imuniti bagi Peguam Negara.

BAHAGIAN VII

GANJARAN BAGI PEGUAMBELA² DAN PEGUAMCHARA²

Larangan²

40. Larangan terhadap beberapa urusan.

Urusan yang tidak di-pertikaikan

41. Atoran² mengenai ganjaran bagi urusan yang tidak di-pertikaikan.

42. Perjanjian2 urusan yang tidak di-pertikaikan.
43. Ganjaran bagi peguambela dan peguamchara yang menjadi penerima chagaran.

Urusan yang di-pertikaikan

44. Perjanjian2 urusan yang di-pertikaikan.
45. Kesan dari perjanjian2 urusan yang di-pertikaikan.
46. Penguatkuasaan perjanjian2 urusan yang di-pertikaikan.
47. Perjanjian2 urusan yang di-pertikaikan oleh wakil2 tertentu.
48. Kesan keatas perjanjian urusan yang di-pertikaikan atas kematian, tidak berkeupayaan atau penukaran peguambela dan peguamchara.
49. Chara bil perbelanjaan guaman bagi urusan yang di-pertikaikan.
50. Jaminan bagi perbelanjaan guaman dan penamatan perkhidmatan peguam.
51. Pengenaan chukai berthabit dengan urusan yang di-pertikaikan.

Ganjaran — 'am

52. Pemasokan perbelanjaan2 dalam bil perbelanjaan peguam.
53. Kuasa mahkamah untok memerentahkan saseorang peguambela dan peguamchara supaya menyerahkan bil, dsb.
54. Tindakan untok mendapatkan balek perbelanjaan peguambela dan peguamchara.
55. Pengenaan chukai atas permohonan pehak yang di-kenakan bayaran atau peguambela dan peguamchara.
56. Pengenaan chukai atas permohonan pehak2 ketiga.
57. Sharat2 tambahan mengenai pengenaan chukai.
58. Perentah2 mengenakan belanja.
59. Sharat2 khas mengenai urusan yang di-pertikaikan yang di-lakukan di-Mahkamah2 Majistret.
60. Perbelanjaan Kerajaan.
61. Pengechualian bagi undang2 bertulis lain yang tertentu.

BAHAGIAN VIII

RAMPAIAN DAN 'AM

Majlis Undang2 Brunei

62. Kebenaran untok menubuhkan Majlis Undang2.
63. Majlis Undang2 akan menjadi pertubohan yang di-perbadankan, dsb.

Akaun bank yang di-simpan oleh
peguambela2 dan peguamchara2

64. Akaun bank.

Tambahan

65. Atoran2.
66. Pindaan2 yang berbangkit, pemansokhan dan sharat2 peralehan.

JADUAL PERTAMA : PERLEMBAGAAN DAN KUASA2 MAJLIS UNDANG2
BRUNEI.

JADUAL KEDUA : SHARAT2 PERALEHAN.



NEGERI BRUNEI

E 15 TAHUN 1983.

UNDANG2 IKTISAS PEGUAM, 1982

Beta bersetuju,



**DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI
BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN.**

9.5.1983

Satu Undang2 untok memansokhkan dan membuat semula undang2 berhubong dengan iktisas peguam dan untok membenarkan penubohan sebuah Majlis Undang2 di-Brunei.

[]

ADA-LAH DI-PERBUAT oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan nasehat dan persetujuan Majlis Mashuarat Negeri seperti yang berikut :

UNDANG2 IKTISAS PEGUAM, 1982

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. Undang2 ini boleh di-gelar sebagai Undang2 Iktisas Peguam, 1982 dan akan mula berjalan kuat-kuasa-nya pada sesuatu tarikh yang Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan* menetapkan.

Gelaran pendek dan permulaan.

2. Di-dalam Undang2 ini, kechuali jika maksud-nya berkehendakkan ma'ana yang lain —

Tafsiran.

"peguambela dan peguamchara" berma'ana saseorang peguambela dan peguamchara bagi Mahkamah Besar ;

"Ketua Pendaftar" berma'ana Ketua Pendaftar Mahkamah Besar, seorang Pendaftar dan seorang Timbalan Pendaftar ;

"client" termasuk —

(a) berhubong dengan urusan yang di-pertikaikan (contentious business), sesiapa jua yang sebagai orang yang utama atau bagi pehak orang lain mengupah atau memakai, atau kira2 akan mengupah atau memakai, saseorang peguambela dan peguamchara, dan sesiapa jua yang bertanggungjawab atau mungkin bertanggungjawab untok membayar belanja saseorang peguambela dan peguamchara ;

(b) berhubong dengan urusan yang tidak di-pertikaikan (non-contentious business), sesiapa jua yang, sebagai saseorang yang utama atau bagi pehak orang lain, atau sebagai saseorang pemegang amanah, wasi atau pentadbir, atau dalam apa jua kedudukan lain, mempunyai kuasa, yang nyata atau di-sifatkan ada, untok mengupah atau memakai, dan mengupah dan memakai atau kira2 akan mengupah atau memakai, saseorang peguambela dan peguamchara, dan sesiapa jua yang pada masa itu bertanggungjawab untok

UNDANG2 IKTISAS PEGUAM, 1982

membayar apa jua belanja kepada saseorang peguambela dan peguamchara kerana perkhidmatan-nya ;

''urusan yang di-pertikaikan'' berm'ana urusan yang di-lakukan sebagai saseorang peguambela dan peguamchara di-dalam atau bagi maksud2 pembicharaan yang di-mulakan di-hadapan sasebuah mahkamah ke'adilan atau di-hadapan penimbangtara ;

''perjanjian urusan yang di-pertikaikan'' berm'ana sesuatu perjanjian yang di-buat menurut bab 44 ;

''perbelanjaan'' (''costs'') termasuk bayaran2, penge-naan2 bayaran, pembayaran2, perbelanjaan2 dan ganjaran2 ;

''hakim'' berm'ana saseorang hakim Mahkamah Besar ;

''pegawai undang2'' berm'ana saseorang yang berkelayakan dalam perkhidmatan kehakiman atau undang2 Brunei ;

''urusan yang tidak di-pertikaikan'' berm'ana apa jua urusan yang di-lakukan sebagai saseorang peguambela dan peguamchara yang bukan urusan yang di-pertikaikan sebagaimana yang di-tafsirkan oleh bab ini ;

''perakuan menjalankan amalan'' berm'ana sesuatu perakuan yang di-keluarkan oleh Ketua Pendaftar di-bawah bab 13 ;

''daftar peguam2'' berm'ana daftar tahunan yang di-simpan oleh Ketua Pendaftar di-bawah bab 15 ;

''daftar'' berm'ana daftar peguambela2 dan peguamchara2 yang di-simpan di-bawah bab 10.

UNDANG2 IKTISAS PEGUAM, 1982

BAHAGIAN II

PENERIMAAN MASOK PEGUAMBELA2 DAN PEGUAMCHARA2

Kelayakan2 dan tatacara bagi penerimaan masok

3. Saseorang itu ada-lah seorang yang berkelayakan bagi maksud2 Undang2 ini jika ia —

Orang2 yang berkelayakan.

- (a) telah di-anugerahkan kapada-nya ijazah Serjana Muda Undang2 (Bachelor of Laws) dalam Universiti Singapura atau dalam Universiti Malaya, atau universiti atau yayasan lain yang mungkin di-tetapkan ; atau
- (b) menjadi "barrister-at-law" England atau Northern Ireland atau seorang ahli Fakulti Peguambela2 di-Scotland (Faculty of Advocates in Scotland) ; atau
- (c) menjadi peguamchara di-England atau Northern Ireland atau "Writer to the Signet", "law agent" atau peguamchara di-Scotland ; atau
- (d) telah pun menjalankan amalan dengan giat-nya sebagai seorang peguambela dan peguamchara di-Singapura atau di-mana2 bahagian Malaysia selama sesuatu tempoh yang berterusan sebaik2 sahaja sebelum permohonan-nya bagi penerimaan masok di-bawah Undang2 ini yang mungkin di-tetapkan ; atau
- (e) telah memperolehi sesuatu kelayakan yang lain yang mungkin di-tetapkan.

4. Hakim Besar boleh atas pertimbangan-nya, dan terta'alok kapada syarat2 dari Undang2 ini, menerima masok sebagai saseorang peguambela dan peguamchara mana2 orang yang berkelayakan yang —

Penerimaan masok peguambela2 dan peguamchara2.

- (a) telah menchapai umur dua puluh satu tahun ;
- (b) berkelakuan baik ; dan
- (c) telah, setakat yang ia tidak terkechuali daripada-nya, menjalani "pupillage" dengan

UNDANG2 IKTISAS PEGUAM, 1982

memuaskan dengan chara dan selama tempoh yang mungkin di-tetapkan bagi orang2 yang berkelayakan.

Permohonan2
bagi
penerimaan
masuk
di-bawah
bab 4.

5. (1) Sesuatu permohonan bagi penerimaan masuk di-bawah bab 4 oleh seseorang yang berkelayakan hendaklah di-buat dengan permohonan kepada Hakim Besar yang di-sahkan dengan surat sumpah (affidavit).

(2) Pemohon itu hendaklah memfailkan permohonannya dalam pejabat Ketua Pendaftar di-sertai dengan satu notis yang menerangkan bahawa ia telah memohon demikian, notis mana hendaklah di-tempelkan di-Mahkamah Besar selama enam bulan sebelum pemohon itu di-terima masuk sebagai seorang peguambela dan peguamchara.

(3) Seseorang pemohon hendaklah, tidak kurang dari sebulan sebelum permohonan-nya di-bicarakan, memfail satu surat sumpah yang menunjukkan pada surat sumpah itu —

- (a) keterangan suratan yang menunjukkan yang ia ada-lah orang yang berkelayakan ;
- (b) keterangan suratan mengenai dengan seseorang pemohon yang sedang menjalankan amalan atau telah mengamalkan undang2 di-luar Negeri Brunei, bahawa pada tarikh menjalankan amalan itu tidak ada sebarang tindakan tata-tertib yang belum di-putuskan atau di-chadangkan terhadap-nya dan bahawa kelakuan professional-nya tidak dalam penyiasatan ;
- (c) dua surat akuan yang terbaharu berkenaan dengan kelakuan baik-nya ; dan
- (d) jika ia di-kehendaki menjalani sesuatu tempoh "pupillage", satu surat akuan ketekunan daripada tiap2 guru dengan siapa pemohon itu menjalani "pupillage"-nya atau, jika tiada surat akuan sedemikian, keterangan lain yang mahkamah mungkin mengkehendaki bahawa ia telah menjalani pupillage-nya dengan ketekunan.

UNDANG2 IKTISAS PEGUAM, 1982

(4) Permohonan dan surat2 akuan yang di-sebutkan dalam bab ini hendak-lah di-buat dalam borang2 yang di-tetapkan.

6. (1) Satu salinan bagi tiap2 satu permohonan dan surat sumpah yang di-kehendaki supaya di-fail di-bawah syarat2 bab 5 bersama2 dengan salinan2 yang benar bagi tiap2 dokumen yang di-tunjokkan pada-nya hendak-lah, dalam tempoh lima hari dari ketika dokumen itu di-fail dalam pejabat Ketua Pendaftar, di-sampaikan kepada Peguam Negara dan kepada mana2 orang lain yang mungkin di-tentukan.

Penyampaian
dokumen2 dan
bantahan2.

(2) Jika Peguam Negara, atau mana2 orang lain yang telah di-sampaikan permohonan tersebut bertujuan hendak membantah mana2 permohonan maka hendak-lah di-sampaikan kepada pemohon itu, tidak kurang dari tiga hari genap sebelum hari yang di-tetapkan bagi pembicharaan permohonan tersebut, atau masa yang lebeh pendek lagi yang Hakim Besar mungkin membenarkan, satu notis bantahan dalam mana hendak-lah di-nyatakan dengan rengkas-nya alasan2 bantahan itu.

(3) Apa jua notis bantahan sedemikian hendak-lah di-fail dalam pejabat Ketua Pendaftar pada bila2 masa sebelum hari yang di-tetapkan bagi pembicharaan permohonan tersebut.

(4) Tidak-lah menjadi perlu bagi Peguam Negara atau mana2 orang lain yang telah di-sampaikan permohonan itu untok di-wakili di-pembicharaan mana2 permohonan melainkan Peguam Negara atau mana2 orang lain itu bertujuan hendak membantah permohonan itu.

7. (1) Dengan tidak menghiraukan sebarang apa yang berlawanan yang terkandung di-dalam Undang2 ini saseorang hakim boleh bagi maksud mana2 satu perkara menerima masok untok menjalankan amalan sebagai seorang peguambela dan peguamchara sesiapa jua yang —

Penerimaan
masok
teristimewa.

- (a) memegang Surat Kurnia Baginda Queen (Her Majesty's Patent) sebagai "Queen's Counsel" ;
- (b) biasa-nya tidak diam di-Brunei tetapi telah datang atau bertujuan akan datang ka-Brunei bagi maksud hadzir dalam kes itu atas arahan2

UNDANG2 IKTISAS PEGUAM, 1982

saseorang peguambela dan peguamchara ;
atau

- (c) mempunyai kelayakan2 khas atau pengalaman bagi maksud kes itu.

(2) Sesiapa jua yang memohon supaya di-terima masok di-bawah sharat2 bab ini hendak-lah berbuat demikian dengan usul permulaan (originating motion) yang di-sahkan dengan surat sumpah pemohon itu atau surat sumpah peguambela dan peguamchara yang mengarahkan-nya dengan menyatakan nama2 pehak yang berkenaan dan butir2 ringkas mengenai kes itu dalam mana pemohon tersebut bertujuan hendak hadzir. Usul permulaan serta surat sumpah itu hendak-lah di-sampaikan kepada Peguam Negara, pehak2 yang lain kepada kes itu dan mana2 orang lain yang mungkin di-tentukan. Pada ketika penyampaian-nya pemohon tersebut hendak-lah membayar biaya sebanyak sa-ratus ringgit kepada Ketua Pendaftar.

(3) Sebelum menerima masok saseorang di-bawah sharat2 bab ini hakim itu hendak-lah mengambil perhatian terhadap pendapat tiap2 satu dari orang2 yang di-sampaikan permohonan itu.

(4) Ketua Pendaftar hendak-lah manakala di-bayar biaya yang di-tetapkan mengeluarkan kepada sesiapa jua yang di-terima masok di-bawah sharat2 bab ini satu surat akuan menjalankan amalan yang menyebut di-dalam-nya kes-nya dalam mana orang itu di-benarkan hadzir. Mana2 orang kepada siapa satu surat akuan menjalankan amalan telah di-keluarkan di-bawah cheraian ini hendak-lah, bagi maksud pekerjaan-nya dalam kes itu, di-anggap sebagai seorang yang nama-nya ada-lah di-dalam daftar dan kepada siapa satu surat akuan menjalankan amalan telah di-keluarkan di-bawah bab 13 dan yang mengendalikan tempat perniagaan menurut bab 18(1)(c).

(5) Ketua Pendaftar tidak boleh menchatetkan di-dalam daftar nama2 orang yang di-terima masok di-bawah bab ini tetapi hendak-lah menyimpan satu daftar yang berasingan bagi orang2 sedemikian.

(6) Di-dalam bab ini perkataan "kes" termasuk sebarang tindakan perantaraan atau rayuan berkaitan dengan sesuatu kes.

UNDANG2 IKTISAS PEGUAM, 1982

8. (1) Jika seseorang yang berkelayakan telah memohon supaya di-terima masok sebagai seorang peguambela dan peguamchara di-bawah bab 4 dan telah memfail dan menyampaikan permohonan-nya serta surat sumpah yang mengesahkan dengan bukti keterangan menurut bab2 5 dan 6, Hakim Besar boleh, atas pertimbangan mutlak-nya pada bila2 masa sebelum pembicharaan permohonan sedemikian oleh Mahkamah Tinggi, menerima masok orang yang berkelayakan itu buat sementara waktu untuk menjalankan amalan sebagai peguambela dan peguamchara terta'alok kapada syarat2 bab ini dan terta'alok kapada syarat2 dan ketentuan2 yang Hakim Besar itu mungkin memikirkan patut mengenakan.

Penerimaan
masok
sementara.

(2) Sesuatu permohonan oleh seseorang yang berkelayakan bagi penerimaan masok sementara sebagai seorang peguambela dan peguamchara di-bawah cheraian (1) boleh di-buat dengan tidak menghadzirkan diri (ex-parte) dengan surat yang di-alamatkan kapada Hakim Besar di-pejabat Ketua Pendaftar.

(3) Ketua Pendaftar hendak-lah, manakala di-bayar biaya yang di-tetapkan, mengeluarkan kapada tiap2 orang yang di-terima masok buat sementara waktu di-bawah cheraian (1) satu lesen sementara untuk menjalankan amalan dengan menyatakan di-dalam-nya apa jua syarat dan penentuan yang di-kenakan oleh Hakim Besar.

(4) Pemegang sesuatu lesen sementara untuk menjalankan amalan ada-lah berhak, terta'alok kapada cheraian (5), bab 18(1)(c), dan kapada apa jua syarat dan penentuan yang di-nyatakan dalam surat akuan tersebut, untuk menjalankan amalan sebagai seorang peguambela dan peguamchara seolah2 nama-nya ada di-dalam daftar dan seolah2 satu surat akuan menjalankan amalan telah di-keluarkan kapada-nya di-bawah bab 13.

(5) Sesuatu lesen sementara untuk menjalankan amalan yang di-keluarkan kapada seseorang yang berkelayakan di-bawah cheraian (3) boleh di-batalkan pada bila2 masa oleh Hakim Besar atas pertimbangan mutlak-nya dan, jika tidak di-batalkan dahulu-nya oleh Hakim Besar di-bawah cheraian ini, ada-lah tamat pada tarikh penamatan terakhir atau penarekan balek permohonan bagi penerimaan masok orang yang berkelayakan itu.

UNDANG2 IKTISAS PEGUAM, 1982

(6) Ketua Pendaftar tidak boleh menchatetkan di dalam daftar nama2 orang yang di-terima masok buat sementara waktu di-bawah bab ini tetapi hendak-lah menyimpan satu daftar yang berasingan bagi orang2 sedemikian.

Perbicharaan dan hak merayu

Perbicharaan
dan hak
merayu.

9. (1) Permohonan2 di-bawah bab 5 dan usul2 permulaan di-bawah bab 7 bagi penerimaan masok sebagai peguambela dan peguamchara hendak-lah jika di-bantah oleh Peguam Negara atau oleh mana2 orang lain yang telah di-sampaikan permohonan itu di-bicharakan dalam mahkamah terbuka.

(2) Sesuatu rayuan hendak-lah di-hadapkan ka-Mahkamah Ulang-Bichara daripada sebarang keputusan atau perintah mahkamah keatas apa jua permohonan di-bawah bab 5 atau apa jua usul permulaan di-bawah bab 7.

(3) Sesuatu rayuan di-bawah cheraian (2) hendak-lah di-hadapkan atas permintaan saseorang pemohon di-bawah bab 5 atau saseorang pemohon dengan usul permulaan di-bawah bab 7, yang mana satu berkenaan, dan dalam salah satu perkara itu atas permintaan Peguam Negara atau mana2 pihak atau orang lain yang telah di-sampaikan permohonan2 menurut bab 6(1) atau 7(2) dan telah membantah di-pembicharaan mana2 permohonan atau mana2 perintah yang di-buat keatas sesuatu usul permulaan.

(4) Sesuatu rayuan di-bawah bab ini hendak-lah di-buat dalam masa dan dalam bentuk dan hendak-lah di-bicharakan sechara rayuan sivil dari Mahkamah Tinggi.

(5) Mahkamah Ulang-Bichara ada-lah mempunyai kuasa untok membuat sesuatu perintah keatas sesuatu rayuan di-bawah bab ini yang mungkin di-fikirkan-nya patut.

Pengakuan, pendaftaran dan salah kenyataan

Pengakuan
dan
pendaftaran.

10. (1) Saseorang yang di-terima masok sebagai seorang peguambela dan peguamchara hendak-lah, pada ketika

UNDANG2 IKTISAS PEGUAM, 1982

penerimaan-nya, membuat satu pengakuan lisan di hadapan Hakim Besar seperti susunan kata yang dinyatakan dalam cheraian (2).

(2) Terta'alok kepada sebarang pengubahsuaian yang perlu untuk menyelaraskan dengan keperchayaan2 ugama pemohon itu, pengakuan itu hendak-lah di-buat seperti susunan kata yang berikut —

“ Saya, A.B., dengan sesungguhnya dan tulus ikhlas mengaku (dan bersumpah) bahawa saya akan dengan benar dan jujur menjalankan amalan seorang peguambela dan peguamchara dengan segala pengetahuan dan kebolehan saya serta menurut undang2.

(Amin Ya Rabbil Alamin)“

(3) Ketua Pendaftar hendak-lah menyimpan satu daftar peguambela2 dan peguamchara2 serta tarikh2 penerimaan masok mereka masing2.

(4) Nama, serta tarikh penerimaan masok, tiap2 orang yang telah di-terima masok hendak-lah di-chatetkan dalam daftar menurut susunan penerimaan masok.

(5) Tiap2 orang yang di-terima masok sebagai seorang peguambela dan peguamchara hendak-lah membayar biaya yang di-tetapkan ; dan Ketua Pendaftar hendak-lah menyerahkan kepada-nya satu suratchara penerimaan masok yang di-tandatangani oleh Hakim Besar.

(6) Ketua Pendaftar hendak-lah sekurang2-nya sekali dalam tiap2 tahun menyiarkan dalam *Warta Kerajaan* nama2 semua orang yang di-dalam daftar.

(7) Sharat2 bab ini tidak-lah di-kenakan kepada orang2 yang di-terima masok di-bawah sharat2 bab 7 atau kepada orang2 yang di-terima masok buat sementara waktu di-bawah bab 8.

11. (1) Jika pada bila2 masa selepas penerimaan masok dan pendaftaran siapa saja pemohon sebagai seorang peguambela dan peguamchara ada-lah di-tunjokkan sehingga memuaskan saseorang hakim bahawa sesuatu permohonan, surat sumpah, surat akuan atau dokumen

Salah
kenyataan.

UNDANG2 IKTISAS PEGUAM, 1982

lain yang telah di-fail oleh seseorang pemohon ada mengandungi sebarang kenyataan yang tidak benar atau mengelirukan pada hakikat-nya atau menyembunyikan apa jua kenyataan yang mustahak maka hakim boleh memerintahkan Ketua Pendaftar supaya mengeluarkan nama pemohon sedemikian daripada daftar.

(2) Jika nama seseorang peguambela dan peguamchara telah di-keluarkan daripada daftar di-bawah cheraian (1), maka Ketua Pendaftar hendak-lah manakala sebarang permohonan selanjut-nya bagi penerimaan masuk di-buat oleh orang yang sama membawa hal ini ka-pengetahuan seseorang hakim siapa hendak-lah, jika tiada hal2 teristimewa, menolak permohonan lanjut sedemikian.

Pengishtiharan oleh Hakim Besar bahawa ada terdapat peguambela2 yang menchukopi di-dalam Negeri.

12. (1) Dengan tidak menghiraukan sebarang apa yang terkandung di-dalam Undang2 ini ; jika Hakim Besar berpendapat bahawa bilangan peguambela2 yang menjalankan amalan di-dalam Negeri ada-lah menchukopi untuk menampung keperluan2 masharakat dengan memadai maka ia hendak-lah dengan notis dalam *Warta Kerajaan* mengishtiharkan demikian.

(2) Pada bila2 masa selepas satu perishtiharan di-bawah cheraian (1) telah di-buat dan sehingga perishtiharan sedemikian di-batalkan —

- (a) tiada sebarang orang selain dari warganegara Negeri Brunei akan berhak di-terima masuk sebagai seorang peguambela atau untuk memperolehi satu lesen sementara di-bawah bab 8 ;
- (b) Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam Majlis Mashuarat boleh mengarahkan supaya nama siapa sahaja peguambela yang di-dalam daftar yang tidak manakala tamat-nya tempoh enam bulan selepas itu berikutan dengan penyiaran perishtiharan sedemikian atau pada bila2 masa selepas itu biasa-nya diam di-dalam Negeri hendak-lah di-potong dari daftar.

(3) Sesuatu arahan di-bawah cheraian (2) ada-lah menjadi kuasa kebenaran yang memadai bagi Ketua Pendaftar

UNDANG2 IKTISAS PEGUAM, 1982

untuk membatalkan apa jua surat akuan yang telah dikeluarkan kepada peguambela tersebut di-bawah bab 13 dan untuk menolak pengeluaran kapada-nya surat akuan selanjut-nya di-bawah-nya dan ada-lah menchegeh peguambela sedemikian dari menjalankan amalan di-dalam Negeri kechuali di-bawah sharat2 bab 7 atau kechuali manakala di-terima masok balek berikutan dengan pembatalan sesuatu perishtiharan di-bawah cheraian (1).

(4) Saseorang peguambela yang nama-nya telah di-potong dari daftar di-bawah bab ini tidak-lah berhak mendapat balek sebarang biaya yang di-tetapkan.

BAHAGIAN III

SURAT2 AKUAN MENJALANKAN AMALAN

13. (1) Tiap2 peguambela dan peguamchara hendak-lah dalam tiap2 tahun sebelum ia melakukan apa jua perbuatan dalam kedudukan-nya sebagai seorang peguambela dan peguamchara, menyerahkan atau menyebabkan supaya di-serahkan kapada Ketua Pendaftaran satu permohonan bagi satu surat akuan menjalankan amalan dalam borang atau borang2 yang mungkin di-tetapkan oleh dan menurut atoran2 yang di-buat di-bawah cheraian (5).

Surat2 akuan menjalankan amalan.

(2) Satu permohonan di-bawah cheraian (1) hendak-lah di-sertai dengan —

- (a) satu pernyataan bertulis oleh pemohon itu menyatakan —
 - (i) nama penoh-nya ;
 - (ii) nama di-bawah mana ia menjalankan amalan atau nama peguambela dan peguamchara atau firma peguambela2 dan peguamchara2 yang menggaji-nya ;
 - (iii) alamat tempat perniagaan utama dan tiap2 tempat perniagaan lain di-mana ia menjalankan amalan di-Brunei ;
 - (iv) apa jua butir2 lain yang mungkin di-kehendaki oleh mana2 atoran yang di-buat di-bawah cheraian (5) ;

UNDANG2 IKTISAS PEGUAM, 1982

- (b) satu laporan jurukira menurut bab 24 atau satu pengakuan oleh peguambela dan peguamchara tersebut bahawa, di-sebabkan oleh keadaan2 kes-nya yang di-nyatakan dalam pengakuan itu, maka laporan sedemikian tidak-lah perlu.
- (c) biaya yang di-tetapkan ; dan
- (d) apa jua dokumen lain yang mungkin di-kehendaki oleh mana2 atoran2 yang di-buat di-bawah cheraian (5),

dan Ketua Pendaftar hendak-lah, jika berpuashati bahawa nama pemohon itu ada di-dalam daftar dan segala dokumen yang menyertai permohonan itu ada-lah terator, mengeluarkan kepada pemohon itu satu surat akuan menjalankan amalan yang membenarkan-nya untok menjalankan amalan sebagai seorang peguambela dan peguamchara di-Brunei.

(3) Tiap2 surat akuan menjalankan amalan yang di-keluarkan dalam bulan Januari dalam mana2 tahun hendak-lah menunjukkan tarikh 1hb. Januari dalam tahun itu dan tiap2 surat akuan menjalankan amalan yang lain hendak-lah menunjukkan tarikh hari-nya yang ia di-keluarkan.

(4) Tiap2 surat akuan menjalankan amalan hendak-lah di-tandatangani oleh Ketua Pendaftar dan ada-lah berkuatkuasa dari mula-nya hari yang menunjukkan tarikh-nya dan tamat pada penghujung 31hb. Disember yang akan datang selepas ia-nya di-keluarkan :

Dengan syarat bahawa —

- (a) jika nama seseorang peguambela dan peguamchara itu di-keluarkan atau di-potong daripada daftar maka surat akuan menjalankan amalannya, jika ada, yang berkuatkuasa pada masa itu ada-lah tamat seketika itu juga dan tarikh penamatan itu hendak-lah di-chatetkan oleh Ketua Pendaftar dalam daftar peguam2.
- (b) jika seseorang peguambela dan peguamchara di-hukum menjadi bankrap atau satu peren-

UNDANG2 IKTISAS PEGUAM, 1982

tah tahan harta (receiving order) di-buat terhadap-nya, maka surat akuan menjalankan amalan-nya, jika ada, hendak-lah digantung pada ketika itu juga, sehingga persetujuan Hakim Besar bagi pengembalian-nya semula di-perolehi.

(5) Terta'alok kepada syarat2 Undang2 ini, Hakim Besar, dengan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, boleh membuat atoran2 yang mengator pengeluaran surat2 akuan.

14. (1) Tiada sebarang peguambela dan peguamchara pun boleh memohon mendapatkan sesuatu surat akuan menjalankan amalan —

Larangan bagi surat akuan menjalankan amalan.

- (a) kechuali ia sedang menjalankan amalan atau bertujuan hendak menjalankan amalan di-Brunei sama ada untuk diri-nya sendiri atau sechara berkongsi ; atau
- (b) kechuali ia berkerja atau kira2 akan berkerja dalam menjalankan amalan-nya di-Brunei dengan saseorang peguambela dan peguamchara atau sasebuah firma peguambela2 dan peguamchara2 yang sedang menjalankan amalan di-Brunei.

(2) Bagi maksud bab ini sahaja, saseorang peguambela dan peguamchara ada-lah di-anggap menjalankan amalan di-Brunei dengan kehendak-nya sendiri dan berhak atas pembayaran bayaran yang di-tetapkan mendapat surat akuan amalan, jika ia-nya di-ambil berkhidmat atau berkerja di-Brunei dalam kedudukan professional-nya sebagai seorang peguambela dan peguamchara dalam —

- (a) Kerajaan ; atau
- (b) sasebuah jabatan undang2 yang di-benarkan.

(3) Di-dalam bab ini "sasebuah jabatan undang2 yang di-benarkan" berma'ana jabatan undang2 bagi sasebuah sharikat yang di-tubuhkan di-Brunei di-bawah Undang2 Sharikat, 1956 yang di-tentukan oleh Peguam Negara sebagai sebuah jabatan undang2 yang di-benarkan dengan

UNDANG2 IKTISAS PEGUAM, 1982

notis bertulis kepada Ketua Pendaftar. Notis bertulis itu boleh mengandungi syarat2 dan penentuan2 sebagaimana yang Peguam Negara memikirkan patut untuk mengenakan, dan notis bertulis itu adalah sah selama sesuatu tempoh yang Peguam Negara fikirkan patut dan menyatakan di-dalam-nya, dan boleh di-perbaharui dari masa ka-semasa.

(4) Sesuatu surat akuan menjalankan amalan yang dikeluarkan kepada saseorang peguambela dan peguamchara tidak-lah mempunyai kuatkuasa bilamana ia tidak lagi menjalankan amalan atau di-ambil berkhidmat atau berkerja sebagaimana yang di-persyaratkan dalam bab ini.

Daftar
peguam2.

15. (1) Manakala di-keluarkan sesuatu surat akuan menjalankan amalan maka Ketua Pendaftar hendak-lah menyebabkan supaya di-chatetkan dalam satu daftar tahunan, yang di-simpan bagi maksud itu dan di-dalam Undang2 ini di-gelar "daftar peguam2", butir2 sebagaimana yang terkandung dalam pernyataan yang di-sampaikan di-bawah bab 13(2)(a). Sesiapa jua boleh memeriksa daftar peguam2 itu dalam masa2 berkerja tanpa bayaran.

(2) Sekira-nya ada apa2 perubahan berthabit dengan mana2 peguambela dan peguamchara mengenai butir2 yang di-sebutkan dalam cheraian (1) maka ia hendak-lah dalam tempoh satu minggu selepas itu memberitahu Ketua Pendaftar, siapa hendak-lah tatkala itu menyebabkan chatetan berthabit dengan peguambela dan peguamchara itu di-dalam daftar peguam2 supaya di-pinda.

Pembatalan
surat2 akuan
menjalankan
amalan.

16. (1) Dengan tidak menghiraukan bab 29(2)(a), jika nampak-nya kepada Peguam Negara bahawa sesuatu surat akuan menjalankan amalan telah di-keluarkan kepada saseorang peguambela dan peguamchara bertenangan dengan syarat2 Undang2 ini, atau bahawa laporan jurukira yang telah di-kemukakan oleh saseorang peguambela dan peguamchara tidak memenohi syarat2 bab 24, maka Peguam Negara boleh memohon kepada saseorang hakim dengan saman permulaan bagi mendapatkan sesuatu perintah mengarahkan Ketua Pendaftar untuk membatalkan surat akuan itu.

(2) Sesuatu permohonan sedemikian hendak-lah di-sampaikan kepada peguambela dan peguamchara yang

UNDANG2 IKTISAS PEGUAM, 1982

berkenaan. Setelah membicarakan-nya maka hakim boleh membuat sesuatu perintah bagi pembayaran belanja pembicharaan (costs), yang di-fikirkan-nya patut.

BAHAGIAN IV

KEISTIMEWAAN2 BAGI PEGUAMBELA2 DAN PEGUAMCHARA2

17. (1) Terta'alok kepada syarat2 dari mana2 undang2 bertulis, peguambela2 dan peguamchara2 ada-lah mempunyai hak istimewa untok hadzir dan membela di-dalam segala mahkamah keadilan di-Brunei.

Keistime-
waan2 bagi
peguambela2
dan
peguam-
chara2.

(2) Dengan tidak menyentoh sebarang apa yang terkandung di-dalam Undang2 ini sesiapa jua yang menyandang jawatan Peguam Negara atau Peguamchara Negara atau Timbalan Pendaawa Raya atau jawatan lain yang Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah dengan pemberitahuan dalam *Warta Kerajaan* mengishtiharkan sebagai jawatan terhadap mana perenggan ini di-kenakan, ada-lah, selagi ia terus menyandang jawatan sedemikian di-anggap sebagai seorang peguambela dan peguamchara.

(3) Peguam Negara dan Peguamchara Negara manakala hadzir sechara perseorangan ada-lah mempunyai keutamaan sebagaimana yang lazim-nya di-berikan kepada penyandang2 jawatan itu di-England.

18. (1) Terta'alok kepada sebagaimana yang di-persyaratkan selepas ini tiada saseorang pun boleh menjalankan amalan sebagai seorang peguambela dan peguamchara atau melakukan sebarang perbuatan selaku seorang peguambela dan peguamchara kechuali —

Kelayakan2
untok
menjalankan
amalan.

- (a) nama-nya ada di-dalam daftar ;
- (b) ia mempunyai surat akuan menjalankan amalan yang sah ; dan
- (c) ia atau firma peguambela2 dan peguamchara2 yang ia menjadi seorang ahli atau peguambela dan peguamchara-nya atau firma peguambela2 dan peguamchara2 dengan siapa ia berkerja

UNDANG2 IKTISAS PEGUAM, 1982

ada mempunyai tempat perniagaan di-Brunei yang sesuai bagi menjalankan amalan seorang peguambela dan peguamchara atau sebuah firma peguambela2 dan peguamchara2, yang mana satu berkenaan,

dan saseorang yang tidak berkelayakan demikian ada-lah di-dalam Undang2 ini di-sebut sebagai "orang yang tiada kebenaran".

(2) Kerajaan atau sasebuah jabatan undang2 yang dibenarkan, sapertimana perkataan2 itu di-tafsirkan dalam bab 14, ada-lah bagi maksud bab ini di-anggap sebagai tempat perniagaan di-Brunei yang sesuai bagi pengurusan menjalankan amalan saseorang peguambela dan peguamchara.

(3) Tiada sebarang apa pun di-dalam bab ini boleh di-tafsirkan supaya mencheegah saseorang pegawai undang2 dari menunaikan mana2 dari tugas2-nya tanpa mempunyai sesuatu surat akuan menjalankan amalan atau untok menjadikan saseorang pegawai undang2 yang tidak mempunyai sebarang surat akuan menjalankan amalan yang sah seorang yang tiada kebenaran.

19. (1) Mana2 orang yang tiada kebenaran yang —

- (a) bertindak selaku seorang peguambela dan peguamchara atau seorang wakil (agent) bagi mana2 pihak dalam langkah perbicharaan atau yang, selaku peguambela dan peguamchara atau wakil sedemikian atau dalam apa jua bidang lain (selain dari sebagai pihak kepada sesuatu tindakan dalam mana ia sendiri menjadi pihak), memohon pengeluaran apa jua surat daawa (writ), saman atau surat perintah (process), atau memulakan, meneruskan, mengurus atau membela apa jua tindakan, daawaan atau langkah perbicharaan atas nama mana2 orang lain atau atas nama-nya sendiri di-dalam mana2 satu mahkamah di-Brunei atau menyusun atau menyediakan apa jua suratchara berhubung dengan apa jua langkah perbicharaan dalam mahkamah2 di-Brunei ; atau

Tiada sebarang orang yang tiada kebenaran akan bertindak selaku peguambela dan peguamchara.

UNDANG2 IKTISAS PEGUAM, 1982

- (b) dengan sengaja atau palsu berpura2 menjadi, atau mengambil atau menggunakan sebarang nama, gelaran, tambahan atau gambaran yang membayangkan bahawa ia sememang berkelayakan atau di-benarkan bertindak selaku seorang peguambela dan peguamchara, atau bahawa ia ada-lah di-akui oleh undang2 sebagai berkelayakan atau di-benarkan demikian,

ada-lah bersalah dan boleh di-kenakan jika di-dapati thabit-kesalahan-nya hukum denda sebanyak seribu ringgit dan hukum penjara selama enam bulan.

(2) Dengan tidak menyentuh keluasan ma'ana cheraian (1) mana2 orang yang tiada kebenaran yang sama ada dengan sechara langsung atau tidak langsung —

- (a) menyusun atau menyediakan apa jua dokumen atau suratchara berhubong dengan sebarang harta-benda yang boleh atau tidak boleh di-gerak atau berhubong dengan apa jua tindakan undang2 ; atau
- (b) menerima arahan2 bagi atau menyusun atau menyediakan apa jua dokumen atau surat-chara yang akan mendasarkan atau menentang pemberian pengesahan surat wasiat (probate) atau surat2 mentadbir pesaka ; atau
- (c) menyusun atau menyediakan apa jua dokumen atau suratchara berhubong dengan perbadanan atau pembentokan sasebuah sharikat berhad ; atau
- (d) bagi pehak sesuatu pehak menuntut atau sa-seorang yang mengatakan diri-nya mempunyai hak menuntut di-sisi undang2 menulis, menyiarkan atau menghantar sesuatu surat atau notis mengugut tindakan undang2 selain dari surat atau notis yang menyatakan bahawa perkara itu akan di-serahkan kepada saseorang peguambela dan peguamchara bagi tindakan undang2 ; atau
- (e) mengurus mendapatkan hak untok berunding, atau merundingkan dengan apa jua chara pun

UNDANG2 IKTISAS PEGUAM, 1982

bagi penyelesaian, atau menyelesaikan, apa jua tuntutan yang berbangkit dari kechederaan diri atau kematian yang berdasarkan kepada sesuatu hak di-sisi undang2 atau tidak,

ada-lah, melainkan ia membuktikan bahawa perbuatan itu telah tidak di-lakukan bagi mendapatkan atau dengan harapan mendapat apa2 bayaran, faedah atau ganjaran bersalah di-bawah cheraian ini.

(3) Mana2 orang yang tiada kebenaran yang menawarkan, atau mempersetujui untuk menyerahkan supaya di-uruskan oleh mana2 orang lain, perkhidmatan2 saseorang peguambela dan peguamchara ada-lah bersalah di-bawah cheraian ini :

Dengan syarat bahawa cheraian ini tidak boleh dikenakan kepada sesiapa jua yang menawarkan atau mempersetujui untuk menyerahkan supaya di-uruskan oleh mana2 orang lain perkhidmatan2 saseorang peguambela dan peguamchara menurut sesuatu perjanjian lepas tanggungan atau insuran yang sah di-sisi undang2.

(4) Tiap2 orang yang di-dapati thabit-kesalahan-nya melakukan sesuatu kesalahan di-bawah cheraian (2) atau (3) boleh di-kenakan bagi kesalahan pertama hukum denda sebanyak lima ratus ringgit, atau jika mungkir membayar-nya hukum penjara selama tiga bulan, dan bagi kesalahan kedua atau berikut-nya hukum denda sebanyak seribu ringgit dan hukum penjara selama enam bulan.

(5) Apa jua perbuatan yang di-lakukan oleh sasebuah pertubohan yang di-perbadankan (body corporate) yang mana berkenaan dengan saseorang akan menjadi satu kesalahan di-bawah cheraian (1), (2) dan (3) atau ada-lah sejenis atau di-lakukan sechara yang di-maksudkan untuk membayangkan bahawa pertubohan yang di-perbadankan itu ada-lah berkelayakan atau di-akui oleh undang2 sebagai berkelayakan untuk bertindak selaku seorang peguambela dan peguamchara ada-lah bersalah di-bawah bab ini dan pertubohan yang di-perbadankan itu boleh dikenakan jika di-dapati thabit-kesalahan-nya bagi kesalahan pertama hukum denda sebanyak seribu ringgit dan bagi kesalahan kedua atau berikut-nya hukum denda

UNDANG2 IKTISAS PEGUAM, 1982

sebanyak tiga ribu ringgit. Jika perbuatan itu di-lakukan oleh seseorang pengarah, pegawai atau pekerja pertubohan yang di-perbadankan itu maka pengarah, pegawai atau pekerja itu boleh, dengan tidak menyentuh tanggungan pertubohan yang di-perbadankan itu, dikenakan hukuman2 yang di-persyaratkan dalam cheraian (4).

(6) Jika mana2 firma melakukan sesuatu perbuatan yang mana berkenaan dengan seseorang akan menjadi satu kesalahan di-bawah syarat2 cheraian (1), (2) atau (3) maka tiap2 ahli dari firma itu ada-lah di-anggap telah melakukan kesalahan itu melainkan ia membuktikan bahawa ia telah tidak menyedari tentang berlakunya perbuatan itu.

(7) Sesiapa jua yang melakukan sebarang perbuatan berhubung dengan langkah perbicharaan yang di-maksudkan atau di-mulakan dalam Mahkamah Besar yang menjadi satu kesalahan di-bawah bab ini ada-lah juga bersalah melakukan penghinaan terhadap mahkamah (contempt of the court) dalam mana langkah perbicharaan itu di-maksudkan atau di-mulakan dan boleh di-hukum seterusnya, dengan tidak mengindahkan sama ada ia-nya di-daawa bagi kesalahan itu atau tidak.

20. (1) Syarat2 bab 19 tidak di-perluaskan kepada —

- (a) Peguam Negara atau Peguamchara Negara atau mana2 orang lain yang bertindak di-bawah kuasa kebenaran salah seorang dari mereka :
- (b) mana2 pegawai kerajaan lain yang menyusun atau menyediakan suratchara2 semasa menjalankan tugas-nya ;
- (c) sesiapa jua yang bertindak sendiri bagi dirinya sahaja dalam mana2 perkara atau langkah perbicharaan terhadap mana ia-nya menjadi satu pihak ;
- (d) mana2 pekerja sasebuah sharikat insuran yang sebenar dan sepenoh masa yang merundingkan bagi penyelesaian atau menyelesaikan sesuatu tuntutan yang di-buat atau di-

Pengechualian2 terhadap bab 19.

UNDANG2 IKTISAS PEGUAM, 1982

maksudkan terhadap sesiapa jua atau pertubohan yang di-perbadankan dalam perkara2 di-mana tuntutan itu, yang berbangkit dari kechederaan diri atau kematian, ada-lah berhubung dengan sesuatu bahaya yang di-insurankan oleh sharikat insuran itu ;

- (e) mana2 penimbangtara atau pengadil yang bertindak dengan sah di-sisi undang2 dibawah mana2 undang2 bertulis berhubung dengan timbangtara, yang menyelesaikan atau chuba menyelesaikan pertikaian diantara pehak2 kapada timbangtara itu ;
- (f) mana2 jurukira (accountant) yang menyusun atau menyediakan dokumen2 dalam pada menjalankan pekerjaan-nya ;
- (g) apa jua pembicharaan di-hadapan mana2 mahkamah shari'ah yang di-tubuhkan dibawah Undang2 Majlis Ugama dan Mahkamah2 Kadzhi, 1955 ;
- (h) sesiapa jua yang semata2 di-gajikan untok menulis menurut chara undang2 (engross) apa jua suratchara atau perjalanan pembicharaan ;
- (i) mana2 juruodit sharikat yang di-luluskan yang menyusun atau menyediakan apa jua suratchara yang ia-nya di-beri kuasa untok melakukan di-bawah sebarang undang2 yang pada masa itu berkuatkuasa berhubung dengan sharikat2 ;
- (j) mana2 wakil yang telah di-benarkan sehingga memuaskan Pendaftar Tanda2 Perniagaan yang menyusun atau menyediakan dokumen2 dalam apa jua perkara berhubung dengan tanda2 perniagaan ; atau
- (k) mana2 pekerja penoh masa saseorang peguambela dan peguamchara yang menyusun atau menyediakan apa jua dokumen atau suratchara di-bawah kuasa kebenaran saseorang peguambela dan

UNDANG2 IKTISAS PEGUAM, 1982

peguamchara yang menjalankan amalan dan bagi maksud2 majikan-nya.

(2) Di-dalam bab 19 "dokumen" dan "suratchara" tidak-lah termasuk —

- (a) sesuatu wasiat atau surat wasiat lain ; atau
- (b) sesuatu pemindahan-milek saham (stock) yang tidak mempunyai had bagi-nya.

21. (1) Tiap2 orang selain dari saseorang yang di-sebutkan dalam bab 20(1)(a), (b) atau (c) yang menyusun atau menyediakan apa jua dokumen atau suratchara terhadap mana bab 19 di-kenakan hendak-lah menchatetkan atau menyebabkan supaya di-chatetkan keatas-nya nama dan alamat-nya atau nama dan alamat firma-nya atau firma yang menggajikan-nya.

Penchatetan dokumen2 dan suratchara2.

(2) Mana2 orang sedemikian yang tidak menchatetkan dokumen atau suratchara tersebut atau menyebabkan-nya supaya di-chatetkan menurut cheraian (1) atau yang dengan sechara palsu menchatetkan dokumen atau suratchara tersebut atau menyebabkan-nya supaya di-chatetkan dengan sechara palsu ada-lah bersalah dan boleh di-kenakan jika di-dapati thabit-kesalahan-nya hukum denda sebanyak seribu ringgit.

22. (1) Tiada sebarang belanja pembicharaan (costs) berthabit dengan apa jua yang di-lakukan oleh saseorang yang tiada kebenaran sebagai seorang peguambela dan peguamchara atau berthabit dengan apa jua perbuatan yang menjadi kesalahan di-bawah bab 19 atau di-lakukan dengan chara yang menjadikan-nya satu kesalahan di-bawah bab 21 boleh di-perolehi kembali oleh sesiapa jua pun dalam mana2 tindakan, daawaan atau perkara.

Tiada sebarang belanja pembicharaan (costs) boleh di-perolehi kembali oleh orang yang tiada kebenaran.

(2) Apa jua bayaran kapada saseorang yang tiada kebenaran terhadap apa jua yang di-lakukan oleh orang yang tiada kebenaran itu yang menjadi kesalahan di-bawah bab 19 atau di-lakukan oleh orang yang tiada kebenaran itu dengan chara yang menjadikan-nya satu kesalahan di-bawah bab 21 boleh di-perolehi kembali dalam sasebuah mahkamah yang mempunyai bidangkuasa yang layak oleh orang yang telah membayar wang itu.

BAHAGIAN V

AMALAN PROFESSIONAL, KELAKUAN DAN TATATERTIB

Atoran2
mengenai
kira2 dan
faedah
terhadap wang
client.

23. (1) Hakim Besar, dengan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, boleh membuat atoran2 untok —

- (a) mengadakan syarat bagi pembukaan dan penyimpanan oleh peguambela2 dan peguamchara2 kira2 (accounts) di-bank2 bagi wang client2 ;
- (b) mengadakan syarat bagi penyimpanan oleh peguambela2 dan peguamchara2 kira2 yang mengandongi butir2 dan ma'alumat mengenai wang2 yang telah di-terima, di-pegang atau di-bayar oleh mereka kerana dan bagi pehak client2 mereka ;
- (c) memberi kuasa kapada Ketua Pendaftar untok mengambil sesuatu tindakan yang mungkin perlu supaya membolehkan-nya untok memastikan sama ada atau tidak atoran2 itu sedang di-patohi ;
- (d) mengadakan syarat bagi pembukaan dan penyimpanan oleh tiap2 peguambela dan peguamchara yang menjadi pemegang amanah yang tunggal, atau yang hanya menjadi pemegang amanah bersama dengan seorang rakan-nya atau lebeh, kerani2 atau pekerja2, kira2 di-sasebuah bank bagi wang2 sebarang amanah terhadap mana ia-nya menjadi pemegang amanah yang tunggal atau pemegang amanah bersama ;
- (e) mengadakan syarat bagi penyimpanan oleh tiap2 peguambela dan peguamchara kira2 yang mengandongi butir2 dan ma'alumat mengenai wang2 yang telah di-terima, di-pegang atau di-bayar oleh-nya kerana atau bagi pehak sebarang amanah tersebut ; dan
- (f) memberi kuasa kapada Ketua Pendaftar untok mengambil sesuatu tindakan yang mungkin

UNDANG2 IKTISAS PEGUAM, 1982

perlu supaya membolehkan-nya untuk memastikan sama ada atau tidak atoran2 itu sedang di-patohi.

(2) Atoran2 yang di-buat di-bawah bab ini boleh membuat syarat2 mengkehendaki saseorang peguambela dan peguamchara, dalam perkara2 yang mungkin di-tetapkan dengan atoran2, sama ada —

- (i) menyimpan sebagai wang penarohan dalam satu kira2 yang berasingan di-sasebuah bank bagi faedah client wang yang telah di-terima kerana atau bagi pihak saseorang client jika client itu meminta di-lakukan demikian ; atau
- (ii) membayar kepada client dengan wang-nya sendiri sejumlah wang yang bersamaan dengan faedah yang sepatut-nya di-perolehi sekira-nya wang yang telah di-terima itu telah di-simpan sebagai wang penarohan.

(3) Kechuali sebagaimana yang di-persyaratkan oleh apa jua atoran2 yang di-buat menurut bab ini, saseorang peguambela dan peguamchara tidak-lah bertanggung-jawab oleh kerana perhubungan di-antara peguambela dan peguamchara dengan client untuk menerangkan kepada mana2 client tentang faedah yang telah di-terima oleh-nya terhadap wang2 yang telah di-tarohkan di-sasebuah bank ia-itu wang2 yang telah di-terima atau di-pegang kerana dan bagi pihak client2-nya pada umumnya.

(4) Tiada sebarang apa pun di-dalam cheraian ini, atau di-dalam apa jua atoran2 yang di-buat menurut bab ini, akan —

- (i) menyentoh apa jua susunan bertulis bila2 saja di-buat, di-antara saseorang peguambela dan peguamchara dengan client-nya mengenai dengan penggunaan wang client atau faedah keatas-nya ;
- (ii) di-kenakan kepada wang yang telah di-terima oleh saseorang peguambela dan peguamchara ia-itu wang yang terta'alok kepada sesuatu amanah terhadap mana ia-nya menjadi pemegang amanah.

UNDANG2 IKTISAS PEGUAM, 1982

(5) Di-dalam bab ini, perkataan2 "amanah" dan "pemegang amanah" di-perluaskan kepada amanah2 "implied" dan "constructive", kepada perkara2 di-mana pemegang amanah-nya mempunyai kepentingan yang berfaedah dalam harta amanah dan kepada kewajipan2 yang berkaitan dengan jawatan seseorang wakil peribadi ; dan "pemegang amanah", jika kandungan ayat-nya bermaksud demikian, termasuk seseorang wakil peribadi.

Laporan
jurukira.

24. (1) Seseorang peguambela dan peguamchara hendaklah, bersama2 dengan tiap2 permohonan yang di-buat oleh-nya bagi surat akuan menjalankan amalan, kechualia ia memuaskan Ketua Pendaftar bahawa oleh kerana keadaan kes-nya maka tidak-lah perlu berbuat demikian, menyerahkan kepada Ketua Pendaftar satu laporan yang di-tandatangani oleh seseorang jurukira, di-dalam bab ini di-sebut sebagai "laporan jurukira".

(2) Laporan jurukira itu hendaklah —

- (a) menyatakan bahawa pada mematohi bab ini dan atoran2 yang di-buat di-bawah-nya jurukira itu telah memeriksa buku2, kira2 serta dokumen2 peguambela dan peguamchara itu atau firma-nya bagi tempoh pengiraan yang mungkin di-nyatakan dalam laporan itu ;
- (b) menyatakan sama ada atau tidak jurukira itu berpuashati, dari pemeriksaannya keatas buku2, kira2 dan dokumen2 yang telah di-kemukakan kepada-nya dan dari ma'alumat dan keterangan2 yang telah di-berikan kepada-nya, bahawa dalam tempoh pengiraan tersebut peguambela dan peguamchara itu atau firma-nya telah mematohi apa jua atoran2 yang di-buat di-bawah bab 23(1) ;
- (c) menyatakan, jika jurukira itu tidak berpuashati seperti yang di-sebutkan tadi, perkara2-nya berthabit dengan mana ia tidak berpuashati ;
- (d) mengandongi ma'alumat yang mungkin di-tetapkan oleh atoran2 yang di-buat oleh Hakim Besar dengan perkenan Sultan dalam Majlis Mashuarat di-bawah bab ini ; dan

UNDANG2 IKTISAS PEGUAM, 1982

- (e) di-serahkan kepada Hakim Besar tidak lebeh dari dua belas bulan, atau tempoh yang kurang dari itu yang apa jua atoran2 di-bawah bab ini mungkin menetapkan, selepas penghujung tempoh pengiraan yang di-nyatakan dalam laporan itu.

(3) Terta'alok kepada apa jua atoran2 yang di-buat di-bawah bab ini, tempoh pengiraan bagi maksud2 laporan jurukira hendak-lah —

- (a) bermula pada tamat-nya tempoh pengiraan yang terakhir sebelum itu bagi tempoh mana sesuatu laporan jurukira telah di-serahkan ;
- (b) meliputi tidak kurang dari dua belas bulan ;
- (c) berakhir tidak lebeh dari dua belas bulan, atau tempoh yang kurang dari itu yang atoran2 tersebut mungkin menetapkan, sebelum tarikh penyerahan laporan itu kepada Ketua Pendaftar ; dan
- (d) di-mana boleh, selaras dengan perenggan2 (a), (b) dan (c) dari cheraian ini, bersamaan dengan sesuatu tempoh atau tempoh yang berturut2 bagi tempoh mana kira2 peguambela dan peguamchara itu atau firma-nya biasa-nya di-sediakan.

(4) Hakim Besar, dengan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, boleh membuat atoran2 untuk menguatkuasakan sharat2 bab ini. Atoran2 tersebut boleh menetapkan —

- (a) apa-kah kelayakan yang semesti-nya di-pegang oleh saseorang jurukira oleh siapa sesuatu laporan jurukira mungkin di-berikan ; dan
- (b) jenis dan setakat mana pemereksaan itu akan di-buat oleh jurukira itu keatas buku2 dan kira2 saseorang peguambela dan peguamchara atau firma-nya dan keatas mana2 dokumen berkenaan yang lain dengan tujuan untuk menandatangani sesuatu laporan yang akan di-

UNDANG2 IKTISAS PEGUAM, 1982

serahkan oleh peguambela dan peguamchara di-bawah bab ini.

(5) Apa jua atoran2 boleh memasokkan sharat bagi —

- (a) membenarkan dalam hal2 istimewa sebagaimana yang mungkin di-tetapkan dalam atoran2 itu sesuatu tempoh pengiraan yang berlainan dari apa yang telah di-tetapkan dalam cheraian (3) ; dan
- (b) mengator apa jua perkara tatachara atau perkara2 berkaitan dengan, atau tambahan kapada (ancillary or supplemental to) sharat2 bab ini.

(6) Hakim Besar hendak-lah merundingi Peguam Negara sebelum menjunjung perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan terhadap apa jua atoran2 di-bawah bab ini.

Peguambela dan peguamchara tidak boleh bertindak dalam beberapa perkara.

25. (1) Tiada sebarang peguambela dan peguamchara boleh dengan sengaja dan setahu-nya —

- (a) bertindak sebagai wakil bagi mana2 orang yang tiada kebenaran dalam apa jua tindakan undang2 jenis apa pun jua atau dalam apa jua perkara yang mana di-bawah Undang2 ini hanya boleh di-lakukan oleh saseorang yang mempunyai kelayakan2 yang di-tetapkan dalam bab 18(1) ; atau
- (b) membenarkan nama-nya di-pergunakan dalam apa jua tindakan sedemikian atau perkara bagi faedah atau bagi keuntungan mana2 orang yang tiada kebenaran ; atau
- (c) menghantar apa jua surat perintah (process) kapada mana2 orang yang tiada kebenaran ; atau
- (d) melakukan sebarang perbuatan lain yang membolehkan mana2 orang yang tiada kebenaran untok hadir, bertindak atau menjalankan amalan atau bertujuan menjalankan

UNDANG2 IKTISAS PEGUAM, 1982

amalan dalam apa jua bidang selaku saseorang peguambela dan peguamchara dalam apa jua tindakan atau perkara sedemikian.

(2) Tiada sebarang peguambela dan peguamchara boleh membenarkan mana2 orang yang tiada kebenaran untok menguruskan sebarang kira2 bank atas nama peguambela dan peguamchara atau firma-nya dan di-senggarakan oleh peguambela dan peguamchara itu atau firma-nya berkaitan dengan amalan-nya sebagai seorang peguambela dan peguamchara.

(3) Saseorang peguambela dan peguamchara yang bertindak bertentangan dengan cheraian (1) atau (2) boleh dikenakan hukuman2 yang di-sebutkan dalam bab 29(1) setelah sebab di-tunjokkan dalam tindakan tatatertib berhubung dengan-nya menurut bab 29(2)(k).

(4) Mana2 orang yang tiada kebenaran yang bertindak atau menjalankan amalan atau bertujuan menjalankan amalan selaku saseorang peguambela dan peguamchara ada-lah bersalah dan boleh jika di-dapati thabit-kesalahannya di-kenakan hukum denda sebanyak dua ribu ringgit atau hukum penjara selama satu tahun.

26. (1) Tiada sebarang peguambela dan peguamchara boleh, berkaitan dengan amalan-nya, tanpa persetujuan saseorang hakim yang di-perolehi atas sesuatu permohonan dengan saman permulaan yang di-sampaikan kepada Peguam Negara dan kepada orang2 lain yang mungkin di-tentukan, mengambil berkerja atau menggaji mana2 orang yang pada pengetahuan-nya seorang bangkrap yang belum menjelaskan hutang-nya atau telah —

- (a) di-potong atau di-keluarkan dari daftar selain dari atas permintaan-nya sendiri dan terus di-potong atau di-keluarkan ;
- (b) di-halang, di-potong atau di-keluarkan dari daftar peguam2 dengan apa jua nama di-gelarkan selain dari atas permintaan-nya sendiri di-Singapura atau di-mana2 tempat di-Malaysia atau tempat lain dan terus di-halang di-potong atau di-keluarkan ;

Pekerja2
peguambela2
dan
peguam-
chara2.

UNDANG2 IKTISAS PEGUAM, 1982

- (c) di-gantung dari menjalankan amalan sebagai saseorang peguambela dan peguamchara dengan apa jua nama di-gelarkan di-Brunei atau Singapura atau di-mana2 tempat di-Malaysia atau tempat lain dan terus di-gantung ;
- (d) di-dapati thabit-kesalahan melakukan sesuatu kesalahan yang melibatkan ketidak-jujoran ;
- (e) di-senaraikan sebagai seorang broker (tout) di-bawah mana2 undang2 bertulis ; atau
- (f) menjadi saseorang berthabit dengan siapa sesuatu perintah di-bawah cheraian (2) dari bab ini telah di-buat.

(2) Atas permohonan yang di-buat oleh atau bagi pehak Peguam Negara, atau orang2 lain yang mungkin di-tentukan, saseorang hakim boleh membuat sesuatu perentah mengarahkan supaya, mulai dari tarikh yang akan di-tetapkan dalam perentah itu, tiada sebarang peguambela dan peguamchara boleh berkaitan dengan amalan-nya mengambil berkerja atau menggajikan sesiapa jua, yang menjadi perkara permohonan tersebut, yang —

- (a) telah menjadi suatu pehak kepada sebarang perbuatan atau kemungkiran saseorang peguambela dan peguamchara berthabit dengan mana sesuatu aduan telah atau mungkin dengan sewajar-nya telah di-buat terhadap peguambela dan peguamchara itu di-bawah syarat2 Undang2 ini ; atau
- (b) telah berkelakuan sedemikian rupa bilamana berkerja dengan saseorang peguambela dan peguamchara ia-itu, sekira-nya diri-nya sendiri menjadi peguambela dan peguamchara, kelakuan-nya mungkin merupakan perkara sesuatu aduan terhadap-nya di-bawah Undang2 ini.

(3) Sesuatu permohonan di-bawah cheraian (2) hendak-lah di-sampaikan, tidak kurang dari sepuluh hari sebelum permohonan itu di-bicharakan, kepada orang berthabit dengan siapa ia-nya di-buat dan kepada majikan-

UNDANG2 IKTISAS PEGUAM, 1982

nya atau majikan-nya yang dahulu jika majikan-nya atau majikan-nya yang dahulu itu seorang peguambela dan peguamchara.

(4) Sesuatu perintah yang di-buat di-bawah cheraian (2) hendak-lah di-fail dalam sebuah fail yang akan di-simpan bagi maksud ini oleh Ketua Pendaftar dan fail sedemikian boleh di-pereksa oleh mana2 peguambela dan peguamchara tanpa bayaran.

(5) Jika saseorang peguambela dan peguamchara mengambil berkerja atau menggajikan sesiapa jua (selain dari saseorang peguambela dan peguamchara atau saseorang yang berkelayakan) berkaitan dengan amalan-nya sebagai peguambela dan peguamchara, ia hendak-lah —

- (a) sebelum mengambil berkerja atau menggaji orang sedemikian, mengkehendaki-nya supaya membuat surat sumpah menunjukkan yang ia bukan seorang bangkrap yang belum menjelaskan hutang-nya dan bahawa ia tidak termasuk dalam golongan orang yang diperbuktikan dalam perenggan2 (a) hingga (g) dari cheraian (1) dan bahawa ia bukan seorang berthabit dengan siapa sesuatu perintah telah di-buat di-bawah cheraian (2) ; dan
- (b) dalam tempoh empat belas hari dari mula-nya mengambil berkerja orang tersebut, menyerahkan kepada Ketua Pendaftar satu salinan sah surat sumpah yang telah di-buat itu.

(6) Saseorang peguambela dan peguamchara yang bertindak bertentangan dengan mana2 syarat dari bab ini boleh di-kenakan hukuman2 yang di-sebutkan dalam bab 29(1) bilamana sebab di-tunjokkan dalam tindakan tatatertib berhubung dengan-nya menurut bab 29(2)(k).

27. (1) Jika perhubungan peguambela dan peguamchara dengan client wujud, atau telah wujud, maka client itu atau wakil-nya boleh memohon dalam Mahkamah Tinggi dengan saman bagi penyerahan suatu kira2 wang tunai, atau pembayaran wang2, atau penyerahan jaminan2.

Kira2 oleh
peguambela
dan
peguamchara.

UNDANG2 IKTISAS PEGUAM, 1982

(2) Mahkamah atau saseorang hakim boleh memerentahkan pehak menentang supaya menyerahkan kepada pemohon satu senarai wang2 atau jaminan2 yang ia mempunyai dalam simpanan-nya atau kawalan-nya bagi pehak pemohon, atau supaya membawa ka-dalam mahkamah kesemua-nya atau mana2 bahagian daripada-nya, dalam masa yang mahkamah atau saseorang hakim memerentahkan.

(3) Jika berlaku hal yang pehak menentang mengatakan bahawa ia mempunyai sesuatu tuntutan terhadap belanja perbicharaan, maka mahkamah atau saseorang hakim boleh membuat sesuatu syarat bagi pembayaran-nya jaminan-nya atau perlindungan hak pehak menentang menahan harta (respondent's lien), jika ada, sebagaimana yang mahkamah atau saseorang hakim memikirkan patut.

Surat akuan sementara.

28. (1) Jika, semasa pengenaan chukai keatas sebarang kira2 pembayaran dan perbelanjaan peguam (bill of costs) atau mengambil sebarang kira2 di-antara saseorang peguambela dan peguamchara dengan saseorang client, nampak-nya kepada Ketua Pendaftar bahawa walaubagaimana pun jua sudah tentu ada wang2 yang harus di-bayar daripada peguambela dan peguamchara kepada client itu, maka Ketua Pendaftar boleh membuat satu surat akuan sementara mengenai dengan jumlah wang yang kena di-bayar oleh peguambela dan peguamchara itu.

(2) Setelah memfail surat akuan sedemikian Mahkamah Tinggi atau hakim itu boleh memerentahkan supaya wang2 yang di-akui demikian di-bayar dengan serta merta kepada client itu atau di-bawa ka-dalam mahkamah.

BAHAGIAN VI

TINDAKAN2 TATATERTIB

Kuasa untuk memotong dari daftar atau menggantung atau memberi amaran (censure).

29. (1) Peguambela2 dan peguamchara2 ada-lah terta'alok kepada kawalan Mahkamah Besar dan boleh, bilamana sebab yang sempurna di-tunjokkan, di-potong dari daftar, di-gantung dari menjalankan amalan selama sesuatu tempoh yang tidak melebihi dua tahun, di-denda sebanyak lima ribu ringgit atau di-beri amaran (censured).

UNDANG2 IKTISAS PEGUAM, 1982

(2) Sebab yang sempurna boleh di-tunjokkan berhubung dengan saseorang peguambela dan peguamchara dengan bukti keterangan bahawa ia —

- (a) telah membuat sesuatu kenyataan yang tidak benar atau mengelirukan pada hakikat-nya atau telah mendiamkan kenyataan yang mustahak dalam atau berhubung dengan sesuatu permohonan bagi surat akuan menjalankan amalan di-bawah bab 13 ;
- (b) telah di-dapati thabit-kesalahan-nya melakukan sesuatu kesalahan jenayah, yang membayangkan kechachatan akhlak yang menjadikan-nya tidak layak bagi pekerjaannya ; atau
- (c) telah bersalah berkelakuan tidak jujur dalam pada menunaikan tugas professional-nya atau bersifat menipu atau berkelakuan yang tidak sechochok dengan saseorang peguambela dan peguamchara ;
- (d) telah di-hukum menjadi bankrap dan telah di-dapati thabit-kesalahan-nya melakukan mana2 satu dari perbuatan2 atau peninggalan2 dalam bab 30(4)(b), (c), (d), (e), (f), (g), (h), (i), (j) atau (l) dari Undang2 Bankrap, 1956 (Bankruptcy Enactment, 1956) ;
- (e) telah menawarkan atau memberi atau menyetujui penyimpanan, daripada apa jua biaya yang kena di-bayar kapada-nya kerana perkhidmatan-nya, apa jua ganjaran kerana memperolehi pekerjaan dalam mana2 urusan undang2 diri-nya sendiri atau mana2 peguambela dan peguamchara lain ;
- (f) telah dengan sechara langsung atau tidak langsung memperolehi atau chuba memperolehi pekerjaan bagi diri-nya atau mana2 peguambela dan peguamchara melalui atau dengan arahan mana2 orang kapada siapa apa jua saraan kerana memperolehi pekerjaan tersebut telah di-berikan oleh-nya atau di-persetujui atau di-janjikan akan di-berikan ;

No. 20 tahun
1956.

UNDANG2 IKTISAS PEGUAM, 1982

- (g) telah menerima pekerjaan di-dalam mana2 urusan undang2 melalui seseorang berokar (tout) ; atau
- (h) membenarkan mana2 kerani atau orang yang tiada kebenaran untok mengusahakan atau menjalankan urusan undang2 atas nama-nya, kerani atau orang yang tiada kebenaran sedemikian bukan di-bawah kawalan ketua-nya dengan sechara langsung dan terus-menerus untok memastikan bahawa ia tidak bertindak tanpa penyeliaan yang sewajar-nya ;
- (i) telah melakukan sesuatu perbuatan lain yang akan menjadikan-nya boleh di-halang atau di-potong dari daftar atau di-gantong dari menjalankan amalan atau di-beri amaran jika seseorang peguambela atau peguamchara di-England, setelah di-ambil perhatian terhadap hal-nya bahawa kedua2 iktisas ada-lah di-padukan di-Brunei ;
- (j) menjalankan sendiri atau oleh mana2 orang yang berkerja dengan-nya apa jua pekerjaan, perniagaan atau pencharian yang pada pendapat mahkamah memperkechil2kan iktisas undang2 atau dengan apa jua chara yang bertentangan dengan-nya, atau berkerja dalam apa jua pekerjaan, perniagaan atau pencharian sedemikian ;
- (k) telah melakukan perbuatan yang berten-tangan dengan bab 25(1) atau (2) atau bab 26 ;
- (l) telah melanggar atau gagal mematohi mana2 dari syarat2 Undang2 ini atau mana2 atoran2 yang di-buat di-bawah-nya jika pada pen-dapat mahkamah pelanggaran atau kegagalan tersebut membenarkan tindakan tatatertib ; atau
- (m) telah atau boleh di-halang, di-potong, di-gantong atau di-beri amaran dalam kedudukan-nya sebagai seorang pegamal un-dang2 dengan apa jua nama yang di-gelarkan dalam mana2 negeri lain.

UNDANG2 IKTISAS PEGUAM, 1982

(3) Syarat2 Bahagian ini hendak-lah di-kenakan, dengan pengubahsuaian2 yang keadaan2 mungkin memerlukan, kepada saseorang yang berkelayakan yang sedang menjalani tempoh "pupillage" di-bawah mana2 atoran yang di-buat di-bawah Undang2 ini sepertimana yang syarat2 sedemikian di-kenakan kepada saseorang peguambela dan peguamchara kechuali bahawa sebagai ganti sesuatu perintah memotong saseorang pelajar dari daftar atau menggantung-nya, sesuatu perintah boleh di-buat melarang-nya dari memohon kepada mahkamah bagi penerimaan masuk sehingga selepas sesuatu tarikh yang akan di-tetapkan dalam perintah tersebut.

(4) Dalam apa jua perbicharaan di-bawah Bahagian ini mahkamah boleh, selain dari hal2-nya mengenai kes itu, mempertimbangkan kelakuan yang lampau orang berkenaan untuk menentukan apa-kah perintah yang harus di-buat.

30. (1) Di-dalam bab ini "Atoran2 Mahkamah" mempunyai ma'ana yang di-berikan kepada perkataan2 itu dalam bab 2 dari Undang2 Mahkamah Besar, 1963.

Perintah
untuk
menunjokkan
sebab.

(2) Sesuatu permohonan supaya saseorang peguambela dan peguamchara di-potong dari daftar, di-gantung dari menjalankan amalan, di-denda atau di-beri amaran hendak-lah di-buat dengan saman permulaan oleh satu pihak (ex parte) bagi satu perintah meminta peguambela dan peguamchara itu untuk menunjokkan sebab.

(3) Sesuatu permohonan di-bawah cheraian (2) boleh di-buat oleh Peguam Negara atau oleh sesiapa jua yang tidak berpuashati dengan sebarang perbuatan atau peninggalan oleh peguambela dan peguamchara itu. Permohonan sedemikian hendak-lah di-buat kepada saseorang hakim dan hendak-lah, jika peguambela dan peguamchara itu di-perchayai berada di-luar Brunei, termasuk satu permohonan bagi arahan2 mengenai penyampaian.

(4) Jika sesuatu perintah untuk menunjokkan sebab di-buat, satu salinan surat sumpah atau surat2 sumpah (affidavit or affidavits) di-atas mana perintah itu telah di-buat hendak-lah di-sampaikan bersama perintah tersebut keatas peguambela dan peguamcara yang di-namakan dalam perintah tersebut.

UNDANG2 IKTISAS PEGUAM, 1982

(5) Jika peguambela dan peguamchara yang dinamakan dalam perintah tersebut berada atau diperchayai berada dalam Brunei maka syarat2 Atoran2 Mahkamah bagi penyampaian surat2 saman (writs of summons) hendaklah di-pakai terhadap penyampaian perintah tersebut.

(6) Apa2 perintah yang berkuatkuasa sepenoh-nya (order absolute) yang di-buat dalam sesuatu kes di-mana penyampaian kepada penerima sendiri maseh belum dilaksanakan boleh di-ketepikan atas permohonan peguambela dan peguamchara itu bilamana sebab yang baik di-tunjokkan.

(7) Permohonan untok menjadikan-nya berkuatkuasa sepenoh-nya dan menunjokkan sebab berikutan dengan sesuatu perintah untok menunjokkan sebab yang di-buat di-bawah cheraian2 (2) dan (3) hendaklah di-dengar dalam mahkamah terbuka oleh saseorang hakim.

(8) Hakim yang membuat perintah untok menunjokkan sebab tidaklah oleh-nya hilang kelayakan-nya dari menubuhkan mahkamah itu di-bawah cheraian (7).

(9) Terta'alok kepada syarat2 bab ini Hakim Besar, dengan perkenan Sultan dalam Majlis Mashuarat, boleh membuat atoran2 bagi mengator dan menentukan perbicharaan di-bawah bab ini dan di-bawah bab2 33 dan 35. Dengan tiada-nya sebarang atoran yang menguruskan tentang mana2 masa'aloh tatachara atau amalan, maka Atoran2 Mahkamah boleh di-ikuti dengan seberapa tepat yang keadaan2 membolehkan.

Menulis
perintah.

31. Jika sesuatu perintah (sama ada untok menunjokkan sebab atau berkuatkuasa sepenoh-nya) telah di-buat atas sesuatu permohonan di-bawah bab 30 oleh saseorang pemohon selain dari Peguam Negara dan perintah itu maseh belum di-tulis oleh pemohon tersebut dalam masa satu minggu selepas ia-nya di-buat, maka Peguam Negara boleh menyebabkan supaya perintah itu di-tulis, dan semua perbicharaan yang akan datang mengenai-nya (termasok perbicharaan dengan jalan rayuan) hendaklah di-jalankan seolah2 permohonan itu telah di-buat oleh Peguam Negara.

UNDANG2 IKTISAS PEGUAM, 1982

32. (1) Sesuatu rayuan hendak-lah di-hadapkan ka-Mahkamah Ulang-Bichara dari apa jua perentah saseorang hakim di-bawah bab 30.

Rayuan daripada Mahkamah Tinggi kepada Mahkamah Ulang-Bichara.

(2) Sesuatu rayuan di-bawah bab ini hendak-lah di-hadapkan ka-Mahkamah Ulang-Bichara atas permintaan saseorang pemohon di-bawah bab 30 atau saseorang peguambela dan peguamchara yang kelakuan-nya menjadi perkara perbicharaan di-bawah bab itu.

(3) Sesuatu rayuan di-bawah bab ini hendak-lah di-buat dalam masa dan dalam bentok dan hendak-lah di-bicharakan sechara sesuatu rayuan sivil dari Mahkamah Tinggi.

(4) Mahkamah Ulang-Bichara ada-lah mempunyai kuasa untok membuat perentah sedemikian atas sesuatu rayuan di-bawah bab ini yang di-fikirkan-nya patut.

33. (1) Terta'alok kapada sharat2 bab ini dan kapada sebarang atoran2 yang di-buat bagi maksud itu, saseorang peguambela dan peguamchara boleh memohon kapada Mahkamah Tinggi supaya di-keluarkan nama-nya dari daftar.

Permohonan peguambela dan peguamchara untok mengeluarkan nama-nya sendiri dari daftar.

(2) Tiap2 permohonan sedemikian hendak-lah di-buat dengan jalan usul permulaan dan hendak-lah di-sokong dengan satu surat sumpah yang mana hendak-lah di-sampaikan kapada Peguam Negara dan orang2 lain yang mungkin di-tentukan tidak kurang dari dua bulan sebelum permohonan itu di-bicharakan.

(3) Peguam Negara boleh kerana sebab yang baik mengkehendaki pemohon itu untok mengumumkan tujuan-nya akan membuat permohonan itu sechara yang Peguam Negara boleh mengarahkan.

(4) Sesuatu permohonan di-bawah bab ini hendak-lah di-putuskan dalam mahkamah terbuka oleh saseorang hakim.

(5) Tiada sebarang perentah boleh di-buat atas sesuatu permohonan di-bawah bab ini jika hakim itu berpuashati bahawa —

(a) tindakan tatatertib belum di-putuskan terhadap pemohon itu ; atau

UNDANG2 IKTISAS PEGUAA. , 1982

- (b) kelakuan pemohon itu ada-lah menjadi perkara penyelidekan atau penyiasatan di-bawah syarat2 Bahagian ini.

(6) Manakala di-putuskan mana2 permohonan sedemikian saseorang hakim boleh membuat sesuatu perintah mengarahkan Ketua Pendaftar supaya mengeluarkan nama pemohon dari daftar atau boleh menanggohkan permohonan itu sehingga sesuatu tarikh tidak di-tetapkan (sine die) atau sehingga sesuatu tarikh yang di-anggap-nya patut.

Perintah2
memburokkan
hendak-lah
di-chatetkan
dalam daftar.

34. Ketua Pendaftar hendak-lah menyebabkan supaya suatu chatetan mengenai kesan tiap2 perintah yang di-buat di-bawah Bahagian ini yang memburokkan kepada saseorang peguambela dan peguamchara di-chatetkan dalam daftar pada nama peguambela dan peguamchara yang berkenaan dan, jika perintah itu mengarahkan demikian hendak-lah memotong nama itu dari daftar :

Dengan syarat bahawa sesuatu perintah mengenai perbelanjaan (costs) sahaja tidak perlu di-chatetkan dalam daftar.

Kemasokan
kembali
ka-daftar.

35. (1) Hakim Besar boleh, jika di-fikirkan-nya patut, pada bila2 masa memerintahkan Ketua Pendaftar untuk memasokkan kembali ka-daftar nama saseorang peguambela dan peguamchara yang nama-nya telah di-keluarkan atau di-potong dari daftar.

(2) Sesuatu permohonan supaya nama saseorang peguambela dan peguamchara di-masokkan kembali ka-daftar hendak-lah di-buat dengan chara usul permulaan, di-sokong oleh surat sumpah.

(3) Notis usul itu hendak-lah di-sampaikan kepada Peguam Negara siapa hendak-lah hadir atau di-wakili di-perbicharaan usul itu dan hendak-lah menyebabkan supaya di-kemukakan di-hadapan Hakim Besar suatu laporan yang mana hendak-lah termasuk salinan2 chatetan apa jua perbicharaan akibat mana nama peguambela dan peguamchara itu telah di-keluarkan atau di-potong dari daftar dan suatu kenyataan sebarang hak kejadian yang telah berlaku sejak nama peguambela dan peguamchara itu di-keluarkan, atau di-potong dari, daftar dan yang mana, pada pendapat Peguam Negara, ada-lah

UNDANG2 IKTISAS PEGUAM, 1982

berkaitan untok di-pertimbangkan atau di-siasat berhubung dengan permohonan itu.

36. Harga perbelanjaan bagi dan berhubung dengan semua perbicharaan di-bawah Bahagian ini ada-lah atas pertimbangan Hakim Besar atau Mahkamah Ulang Bichara di-hadapan siapa perbicharaan itu telah dilakukan. Harga perbelanjaan sedemikian boleh diperentahkan supaya di-bayar oleh peguambela dan peguamchara oleh siapa atau terhadap siapa, atau oleh orang oleh siapa, apa jua permohonan atau aduan telah dibuat atau di-maksudkan akan di-buat atau sebahagian-nya oleh saseorang atau sebahagian-nya oleh yang lain dari mereka :

Harga perbelanjaan (costs).

Dengan syarat bahawa tiada sebarang perintah bagi harga perbelanjaan boleh di-buat di-bawah bab ini terhadap Peguam Negara.

37. Jika orang yang kelakuan-nya menjadi perkara perbicharaan di-bawah Bahagian ini gagal menghadziri mahkamah maka perbicharaan itu boleh di-teruskan tanpa notis selanjut-nya kepada orang itu jika ada bukti penyampaian dengan surat sumpah (affidavit) atau surat akuan (statutory declaration) atau dengan chara lain yang mahkamah mungkin mengarahkan.

Ketiadaan orang2 yang berkenaan.

38. (1) Di-dalam mana2 perbicharaan di-bawah Bahagian ini apa jua terbitan yang di-katakan telah di-chetak di-bawah kuasa kebenaran General Council of the Bar atau Law Society in England dan sebarang dokumen yang di-katakan telah di-tandatangani di-bawah kuasa kebenaran salah satu dari badan2 itu ada-lah sehingga sebak-nya dibuktikan, menjadi bukti keterangan terhadap hal2 yang di-nyatakan di-dalam-nya dan terhadap sebarang atoran, amalan atau penggunaan yang lazim terdapat di-England sebagaimana yang di-nyatakan di-dalam-nya.

Syarat2 mengenai bukti keterangan.

(2) Jika orang yang kelakuan-nya menjadi perkara perbicharaan di-bawah Bahagian ini tidak hadir di-hadapan Mahkamah dan Mahkamah memutuskan menurut bab 37 untok meneruskan perbicharaan itu dengan ketiadaannya, dan dalam mana2 perkara lain dengan persetujuan bertulis orang itu, maka mahkamah boleh sama ada mengenai keseluruhan perkara itu atau mengenai mana2 hal atau hal2 tertentu, membicharakan dan bertindak atas keterangan dengan chara surat sumpah atau surat akuan.

UNDANG2 IKTISAS PEGUAM, 1982

Imuniti bagi
Peguam
Negara.

39. Tiada sebarang tindakan atau perbicharaan apa pun jua boleh di-kenakan terhadap —

- (a) Peguam Negara ; atau
- (b) siapa jua wakil Peguam Negara,

bagi sebarang tindakan atau peninggalan berhubong dengan apa jua perkara di-bawah Bahagian ini.

BAHAGIAN VII

GANJARAN BAGI PEGUAMBELA2 DAN PEGUAMCHARA2

Larangan2

Larangan
terhadap
beberapa
urusan.

40. (1) Tiada saseorang peguambela dan peguamchara pun boleh —

- (a) membeli atau bersetuju untok membeli kepentingan atau mana2 bahagian dari kepentingan client-nya atau mana2 pihak dalam mana2 daawaan, tindakan atau perbicharaan lain yang di-pertikaikan yang di-hadapkan atau akan di-hadapkan atau di-bela ; atau
- (b) mengikat sebarang perjanjian dengan yang mana ia-nya di-ambil berkhidmat atau di-upah untok mendaawa dalam apa jua daawaan atau tindakan atau perbicharaan lain yang di-pertikaikan yang mempersharatkan atau bertujuan akan membuat pembayaran hanya jika berjaya dalam daawaan, tindakan atau perbicharaan itu.

(2) Tiada sebarang apa pun di-dalam Undang2 ini boleh di-tafsirkan akan memberi kesahan terhadap sebarang pembelian atau perjanjian yang di-larang oleh cheraian (1) atau terhadap sebarang penyusunan, kontrek, penyelesaian, penyerahan hak, penyerahan, urusan atau penyerahan milek yang tidak sah (void or invalid) terhadap —

- (a) saseorang pemegang amanah di-bawah undang2 berhubong dengan kebangkrapan ;

UNDANG2 IKTISAS PEGUAM, 1982

- (b) saseorang penyelesaian hutang-piutang atau pengurus harta (liquidator or receiver) di bawah undang2 berhubung dengan penggulungan sharikat2 ; atau
- (c) si-piutang dalam sesuatu penjelasan hutang.

Urusan yang tidak di-pertikaikan

41. (1) Hakim Besar boleh membuat atoran2 yang menetapkan dan mengator sechara yang ia mungkin memikirkan patut ganjaran bagi peguambela2 dan peguamchara2 berthabit dengan urusan yang tidak di-pertikaikan.

Atoran2 mengenai ganjaran bagi urusan yang tidak di-pertikaikan.

(2) Atoran2 yang di-buat di-bawah bab ini boleh menetapkan chara-nya membuat ganjaran bagi peguambela2 dan peguamchara2 berthabit dengan urusan yang tidak di-pertikaikan dengan mempersyaratkan supaya mereka hendak-lah di-beri ganjaran —

- (a) menurut skel kadar2 komisen atau skel peratusan2, berbeza atau tidak dalam kelas2 urusan yang berlainan ; atau
- (b) dengan jumlah kasar ; atau
- (c) dengan jumlah tetap bagi tiap2 dokumen yang telah di-sediakan atau di-semak, dengan tidak menghiraukan panjang-nya ; atau
- (d) dengan apa jua chara lain ; atau
- (e) sebahagian-nya dengan satu chara dan sebahagian lagi dengan chara lain.

(3) Atoran2 yang di-buat di-bawah bab ini boleh memberi kuasa dan mengator jumlah ganjaran sedemikian memandangkan kepada segala atau mana2 dari, di-antara lain, pertimbangan2, ia-itu —

- (a) kedudukan pihak bagi pihak siapa peguambela dan peguamchara itu adalah berkenaan dalam urusan-nya, ia-itu, sama ada ia-nya penjual atau pembeli, yang

UNDANG2 IKTISAS PEGUAM, 1982

menyewakan atau penyewa, yang menggadaikan atau yang menerima gadaian, atau sebagainya ;

- (b) tempat-nya di-mana, dan perihal2-nya yang, urusan itu atau mana2 bahagian dari urusan itu ada-lah di-kendalikan ;
- (c) jumlah wang modal atau sewa berhubung dengan urusan itu ;
- (d) kecekapan, tenaga dan tanggungjawab oleh pihak peguambela dan peguamchara yang melibati urusan itu ;
- (e) banyak-nya dan penting-nya dokumen2 yang telah di-sediakan atau di-semak, dengan tidak menghiraukan panjang-nya.

(4) Atoran2 yang di-buat di-bawah bab ini boleh membenarkan dan mengator —

- (a) pengambilan oleh saseorang peguambela dan peguamchara daripada client-nya jaminan bagi bayaran sebarang ganjaran, yang akan di-tentukan dengan pengenaan chukai atau lain, yang sepatut-nya di-bayar kapada-nya di-bawah apa jua atoran2 sedemikian ; dan
- (b) jumlah faedah-nya.

(5) Selagi atoran2 yang di-buat di-bawah bab ini berkuatkuasa pengenaan chukai keatas perbelanjaan2 peguam (bills of costs) bagi peguambela2 dan peguamchara2 berthabit dengan urusan yang tidak di-pertikaikan, terta'alok kapada bab 42, hendak-lah di-ator oleh atoran2 sedemikian.

Perjanjian2
urusan yang
tidak
di-pertikaikan.

42. (1) Sama ada atau tidak apa jua atoran2 berkuatkuasa di-bawah bab 41, saseorang peguambela dan peguamchara dan client-nya boleh, sebelum atau selepas atau semasa pengendalian mana2 urusan yang tidak di-pertikaikan oleh peguambela dan peguamchara itu, membuat sesuatu perjanjian tentang ganjaran peguambela dan peguamchara itu berthabit dengan urusan itu.

UNDANG2 IKTISAS PEGUAM, 1982

(2) Perjanjian itu boleh mempersyaratkan pembayaran ganjaran peguambela dan peguamchara itu dengan chara jumlah kasar, atau dengan chara komisen atau peratusan, atau dengan chara gaji, atau lain, dan ia-nya boleh di-buat atas syarat2 bahawa jumlah ganjaran yang di-persyaratkan itu hendak-lah atau tidak termasuk kesemua atau mana2 perbelanjaan yang telah di-lakukan oleh peguambela dan peguamchara itu berthabit dengan pemereksaan2, pelan2, perjalanan, setem2, bayaran2 atau perkara2 lain.

(3) Perjanjian itu hendak-lah di-buat sechara bertulis dan di-tandatanganinya oleh orang yang akan terikat oleh-nya atau wakil-nya bagi maksud itu.

(4) Terta'alok kepada cheraian (5), perjanjian itu adalah di-sandarkan oleh peguambela dan peguamchara itu dan di-bantah oleh client-nya sebagai tidak 'adil atau tidak berpatutan, maka Ketua Pendaftar boleh menyelideki mengenai hal-nya dan mengesahkan-nya kepada Mahkamah Tinggi, dan jika daripada surat pengesahan itu nampak-nya 'adil kepada mahkamah itu supaya perjanjian itu patut di-ketepikan, atau jumlah yang kena di-bayar di-bawah-nya di-kurangkan, maka mahkamah itu boleh memerentahkan demikian dan boleh memberi sesuatu arahan berikutan-nya yang di-fikirkan-nya patut.

43. (1) Jika sesuatu chagaran di-buat kepada saseorang peguambela dan peguamchara, sama ada sendiri atau bersama dengan mana2 orang lain, maka ia, atau firma yang ia menjadi seorang ahli, adalah berhak mendapatkan kembali daripada pemberi chagaran itu berthabit dengan urusan yang telah di-kendalikan dan perbuatan2 yang telah di-lakukan oleh-nya atau mereka dalam merundingkan suatu pinjaman, membuat kesimpulan dan menyiasat hakmilk terhadap harta itu, dan menyediakan serta menyempurnakan chagaran itu, bayaran perbelanjaan biasa yang ia atau mereka akan berhak menerima sekira-nya chagaran itu telah di-buat kepada saseorang yang bukan seorang peguambela dan peguamchara dan orang itu telah mengambil dan memakai perkhidmatan-nya atau mereka untuk mengendalikan urusan itu dan melakukan perbuatan2 itu.

Ganjaran bagi
peguambela
dan
peguamchara
yang menjadi
penerima
chagaran.

(2) Jika sesuatu chagaran telah di-buat kepada, atau telah di-letakkan kedalam tangan dengan chara pemin-

UNDANG2 IKTISAS PEGUAM, 1982

dahan hak atau penyerahan, saseorang peguambela dan peguamchara, sama ada sendiri atau bersama dengan mana2 orang lain, dan apa jua urusan di-kendalikan atau perbuatan2 di-lakukan oleh peguambela dan peguamchara itu, atau oleh firma yang ia-nya menjadi ahli, berhubong dengan chagaran itu atau jaminan yang dengan itu di-ujudkan atau harta yang dengan itu di-gadai, maka ia atau mereka ada-lah berhak untok mendapatkan kembali daripada orang yang bagi pehak siapa urusan itu telah di-kendalikan atau perbuatan2 itu di-lakukan, dan mengenakan terhadap jaminan itu, bayaran perbelanjaan biasa yang ia atau mereka itu akan berhak menerima sekira-nya chagaran itu telah di-buat kapada dan terus di-letakkan kedalam tangan saseorang yang bukan seorang peguambela dan peguamchara dan orang itu telah memakai dan mengambil perkhidmatan-nya atau mereka untok mengendalikan urusan itu dan melakukan perbuatan2 itu.

(3) Di-dalam bab ini "chagaran" termasuk apa jua gadaian mana2 harta bagi menjamin perolehan wang atau nilai harga wang.

Urusan yang di-pertikaikan

Perjanjian2
urusan yang
di-pertikaikan.

44. (1) Terta'alok kapada sharat2 dari sebarang undang2 bertulis yang lain, saseorang peguambela dan peguamchara boleh membuat suatu perjanjian sechara bertulis dengan client-nya berthabit dengan jumlah dan chara pembayaran bagi keselurohan atau mana2 bahagian dari perbelanjaan-nya berthabit dengan urusan yang di-pertikaikan yang telah di-lakukan atau akan di-lakukan oleh-nya (di-dalam Undang2 ini di-sebut sebagai satu "perjanjian urusan yang di-pertikaikan") yang memper-sharatkan bahawa ia hendak-lah di-ganjar dengan jumlah kasar, atau dengan gaji atau lain, dan sama ada dengan kadar yang lebeh tinggi atau rendah dari apa yang ia sepatut-nya akan berhak di-ganjar sebak-nya.

(2) Tiap2 perjanjian urusan yang di-pertikaikan hendak-lah di-tandatangani oleh client itu dan hendak-lah terta'alok kapada sharat2 dan penentuan2 yang terkandung di-dalam Bahagian ini.

UNDANG2 IKTISAS PEGUAM, 1982

45. (1) Terta'alok kepada syarat2 Bahagian ini, bayaran perbelanjaan saseorang peguambela dan peguamchara dalam apa jua perkara di-mana suatu perjanjian urusan yang di-pertikaikan telah di-buat tidak-lah terta'alok kepada pengenaan chukai atau kepada syarat2 bab 54.

Kesan dari perjanjian2 urusan yang di-pertikaikan.

(2) Terta'alok kepada cheraian (3), sesuatu perjanjian urusan yang di-pertikaikan tidak-lah menyentoh jumlah, atau sebarang hak atau jalan bagi mendapatkan kembali, sebarang bayaran perbelanjaan yang kena di-bayar oleh client kepada, atau kepada client oleh, mana2 orang selain dari peguambela dan peguamchara itu, dan orang itu boleh, kechuali ia telah bersetuju dengan jalan lain, mengkehendaki supaya mana2 bayaran perbelanjaan sedemikian di-kenakan chukai.

(3) Saseorang client tidak-lah berhak mendapatkan kembali daripada mana2 orang lain di-bawah sesuatu perintah bagi pembayaran sebarang perbelanjaan berhubung dengan sesuatu perjanjian urusan yang di-pertikaikan lebeh dari jumlah yang kena di-bayar oleh-nya kepada peguambela dan peguamchara-nya berthabit dengan perbelanjaan itu di-bawah perjanjian tersebut.

(4) Sesuatu perjanjian urusan yang di-pertikaikan adalah di-anggap tidak termasuk sebarang tuntutan oleh peguambela dan peguamchara itu berthabit dengan urusan yang berhubung dengan-nya selain dari —

- (a) tuntutan bagi bayaran perbelanjaan yang telah di-persetujui ; atau
- (b) tuntutan bagi sesuatu bayaran perbelanjaan sebagaimana yang di-kechualikan dengan tegas-nya dari perjanjian itu.

(5) Sesuatu syarat di-dalam sesuatu perjanjian urusan yang di-pertikaikan bahawa peguambela dan peguamchara itu tidak-lah bertanggungjawab terhadap kechuaian, atau bahawa ia adalah di-lepaskan dari sebarang tanggungjawab terhadap mana kalau tidak ia-nya akan bertanggungjawab sebagai seorang peguambela dan peguamchara, tidak-lah sah.

Penguat-kuasaan perjanjian2 urusan yang di-pertikaikan.

46. (1) Tiada sebarang tindakan boleh di-ambil keatas apa jua perjanjian urusan yang di-pertikaikan, tetapi atas permohonan dengan chara saman, usul atau rayuan mana2 orang yang —

- (a) menjadi satu pihak kepada perjanjian itu atau wakil kepada satu pihak tersebut ; atau
- (b) boleh di-kenakan atau di-katakan akan di-kenakan bayaran, atau berhak atau menuntut berhak untuk di-bayar, perbelanjaan yang sepatut-nya atau di-katakan akan sepatut-nya di-bayar berthabit dengan urusan yang berhubung dengan perjanjian itu,

mahkamah boleh menguatkuasakan atau mengenyepikan perjanjian itu dan memutuskan tiap2 masa'alah mengenai dengan sah-nya atau kesan-nya.

(2) Atas apa jua saman, usul atau rayuan di-bawah cheraian (1) mahkamah —

- (a) jika ia-nya berpendapat bahawa perjanjian dalam segala hal ada-lah saksama dan berpatutan, boleh menguatkuasakan-nya ;
- (b) jika ia-nya berpendapat bahawa perjanjian itu dalam apa jua hal tidak saksama atau tidak berpatutan, boleh mengenyepikan-nya dan memerentahkan bayaran perbelanjaan yang di-liputi oleh-nya supaya di-kenakan chukai seolah2 ia-nya tidak pernah di-buat ;
- (c) dalam kes itu, boleh membuat sesuatu perentah mengenai dengan perbelanjaan bagi permohonan itu sebagaimana yang di-fikirkan-nya patut.

(3) Jika urusan yang di-liputi oleh sesuatu perjanjian urusan yang di-pertikaikan itu (yang bukan sesuatu perjanjian terhadap mana bab 47 di-kenakan) ada-lah urusan yang telah di-lakukan, atau akan di-lakukan, dalam apa jua tindakan, saseorang client yang menjadi satu pihak kepada perjanjian itu boleh membuat permohonan kepada saseorang pegawai chukai mahkamah supaya perjanjian itu di-pereksa.

UNDANG2 IKTISAS PEGUAM, 1982

(4) Seseorang pegawai chukai di-hadapan siapa sesuatu perjanjian di-hadapkan di-bawah cheraian (3) hendak-lah memereksa-nya dan boleh sama ada membenarkan-nya, atau, jika ia-nya berpendapat bahawa perjanjian itu tidak saksama atau tidak berpatutan, mengkehendaki pendapat mahkamah supaya di-ambil terhadap-nya, dan mahkamah boleh membenarkan perjanjian itu atau mengurangkan jumlah yang kena di-bayar di-bawah-nya, atau mengenyepikan-nya dan memerentahkan supaya bayaran perbelanjaan yang di-liputi oleh-nya di-kenakan chukai seolah2 ia-nya tidak pernah di-buat.

(5) Jika jumlah yang di-persetujui di-bawah mana2 perjanjian urusan yang di-pertikaikan di-bayar oleh atau bagi pihak client atau oleh seseorang yang berhak berbuat demikian, maka orang yang membuat pembayaran itu boleh pada bila2 masa dalam masa dua belas bulan dari tarikh pembayaran, atau dalam masa yang lebeh lanjut yang di-fikirkan oleh mahkamah berpatutan, memohon kepada mahkamah, dan, jika di-fikirkan oleh mahkamah bahawa hal2 istimewa kes itu mengkehendaki-nya supaya di-buka semula, mahkamah boleh, atas syarat2 yang mungkin 'adil, membuka-nya semula dan memerentahkan harga perbelanjaan yang di-liputi oleh perjanjian itu supaya di-kenakan chukai dan keseluruhan atau mana2 bahagian dari jumlah yang di-terima oleh peguambela dan peguamchara itu supaya di-bayar balek oleh-nya.

(6) Di-dalam bab ini dan di-dalam bab2 47 dan 48 "mahkamah" berma'ana —

- (a) Mahkamah Tinggi, berhubung dengan sesuatu perjanjian di-bawah mana apa jua urusan telah di-lakukan di-dalam Mahkamah Besar, atau berhubung dengan sesuatu perjanjian di-bawah mana tiada sebarang urusan telah di-lakukan di-dalam mana2 mahkamah ;
- (b) Mahkamah Majistret, berhubung dengan sesuatu perjanjian di-bawah mana apa jua urusan telah di-lakukan di-dalam Mahkamah.

(7) Di-dalam Bahagian ini "pegawai chukai" berma'ana —

UNDANG2 IKTISAS PEGUAM, 1982

- (a) Ketua Pendaftar, berhubung dengan Mahkamah Tinggi ;
- (b) Pendaftar Mahkamah2 Rendah, berhubung dengan sasebuah Mahkamah Majistret.

Perjanjian2
urusan yang
di-pertikaikan
oleh wakil2
tertentu.

47. (1) Jika client yang membuat sesuatu perjanjian urusan yang di-pertikaikan membuat-nya selaku wakil saseorang yang harta-nya akan di-kenakan bayaran dengan keseluruhan atau sebahagian dari jumlah yang kena di-bayar di-bawah perjanjian itu, maka perjanjian itu hendak-lah di-hadapkan di-hadapan saseorang pegawai chukai mahkamah sebelum pembayaran.

(2) Saseorang pegawai chukai di-hadapan siapa sesuatu perjanjian di-hadapkan di-bawah cheraian (1) hendak-lah memeriksa-nya dan boleh sama ada membenarkan-nya, atau, jika ia-nya berpendapat bahawa ia-nya tidak saksama atau tidak berpatutan, mengkehendaki pendapat mahkamah supaya di-ambil keatas-nya, dan mahkamah boleh membenarkan perjanjian itu atau mengurangkan jumlah yang kena di-bayar di-bawah-nya, atau mengenyepikan-nya dan memerentahkan supaya bayaran perbelanjaan yang di-liputi oleh-nya di-kenakan chukai seolah2 ia-nya tidak pernah di-buat.

(3) Saseorang client yang membuat sesuatu perjanjian urusan yang di-pertikaikan sebagaimana yang di-sebutkan dalam cheraian (1) dan membayar keseluruhan atau mana2 bahagian dari jumlah yang kena di-bayar di-bawah perjanjian itu dengan tidak di-benarkan-nya oleh pegawai atau oleh mahkamah itu boleh pada bila2 masa di-minta memberi keterangan kepada orang yang harta-nya di-kenakan bayaran dengan keseluruhan atau mana2 bahagian dari jumlah yang telah di-bayar terhadap jumlah yang telah di-kenakan, dan peguambela dan peguamchara yang menerima pembayaran itu boleh di-perentahkan oleh mahkamah supaya membayar balek jumlah yang telah di-terima oleh-nya.

(4) Saseorang client ada-lah membuat sesuatu perjanjian urusan yang di-pertikaikan selaku wakil saseorang lain jika ia membuat-nya —

- (a) sebagai penjaga-nya ;

UNDANG2 IKTISAS PEGUAM, 1982

- (b) sebagai pemegang amanah bagi pehak-nya di-bawah sesuatu suratikatan (deed) atau wasiat ; atau
- (c) sebagai seorang yang di-benarkan di-bawah sebarang undang2 bertulis berhubung dengan kesihatan otak untok bertindak bagi pehak-nya.

48. (1) Jika, selepas sesuatu urusan telah di-lakukan di-bawah sesuatu perjanjian urusan yang di-pertikaikan tetapi sebelum peguambela dan peguamchara itu menunaikan-nya pada keselurohan-nya —

- (a) peguambela dan peguamchara itu meninggal dunia, atau menjadi tidak berkeupayaan bertindak ; atau
- (b) client-nya menukar peguambela dan peguamchara-nya (sebagaimana, dengan tidak menyentuh perjanjian itu, yang ia berhak melakukan),

Kesan keatas perjanjian urusan yang di-pertikaikan atas kematian, tidak berkeupayaan atau penukaran peguambela dan peguamchara.

mana2 pehak kapada, atau wakil mana2 pehak kapada, perjanjian itu boleh memohon kapada mahkamah, dan mahkamah ada-lah mempunyai bidangkuasa yang sama untok menguatkuasakan perjanjian itu setakat yang ia-nya telah di-sempurnakan, atau mengeneipikan-nya, seperti yang mahkamah akan mempunyai sekira-nya peguambela dan peguamchara itu tidak meninggal dunia atau menjadi tidak berkeupayaan bertindak, atau client itu tidak menukar peguambela dan peguamchara-nya.

(2) Mahkamah, dengan tidak menghiraukan bahawa ia-nya berpendapat bahawa perjanjian itu dalam segala hal-nya ada-lah saksama dan berpatutan, boleh memerentahkan supaya jumlah yang seharus-nya di-bayar berthabit dengan urusan di-bawah perjanjian supaya di-tentukan dengan penenaan chukai, dan dalam hal itu —

- (a) pegawai chukai, dalam menentukan jumlah itu, hendak-lah mempertimbangkan setakat yang boleh akan syarat2 perjanjian itu ; dan
- (b) pembayaran jumlah yang di-dapati oleh-nya sepatut-nya di-bayar boleh di-kuatkuasakan

UNDANG2 IKTISAS PEGUAM, 1982

dengan chara yang sama seolah2 perjanjian itu telah di-laksanakan dengan sempurna.

(3) Jika dalam sesuatu perkara saperti yang disebutkan dalam cheraian (1)(b) sesuatu perintah ada-lah di-buat bagi pengenaan chukai keatas jumlah yang sepatut-nya di-bayar kepada peguambela dan peguamchara berthabit dengan urusan yang di-lakukan di-bawah perjanjian itu, maka mahkamah hendak-lah mengarahkan pegawai chukai supaya mempertimbangkan hal2-nya di-bawah mana penukaran peguambela dan peguamchara telah di-lakukan. Pegawai chukai, kechuali ia-nya berpendapat bahawa telah tidak berlaku kemungkiran, kechuaian, kelambatan yang tidak sewajar-nya atau kelakuan lain di-pehak peguambela dan peguamchara yang memberikan client-nya alasan yang munasabah untuk menukar peguambela dan peguamchara-nya, tidak boleh membenarkan peguambela dan peguamchara itu jumlah ganjaran sepenoh-nya yang telah di-persetujui untuk di-bayar kepada-nya.

Chara bil perbelanjaan guaman bagi urusan yang di-pertikaikan.

49. (1) Jika ganjaran bagi saseorang peguambela dan peguamchara berthabit dengan urusan yang di-pertikaikan yang di-lakukan oleh-nya tidak terta'alok kepada sesuatu perjanjian urusan yang di-pertikaikan, maka, terta'alok kepada cheraian2 (2) hingga (4), bil perbelanjaan guaman peguambela dan peguamchara itu boleh atas pilihan peguambela dan peguamchara itu di-buat sama ada sechara satu bil yang mengandongi butiran2 satu persatu atau bil jumlah kasar.

(2) Pehak yang boleh di-kenakan bayaran bil jumlah kasar boleh pada bila2 masa —

- (a) sebelum ia-nya di-sampaikan sesuatu surat daawa (writ) atau surat perintah permulaan lain bagi mendapatkan kembali perbelanjaan peguam yang termasuk di-dalam bil itu ; dan
- (b) sebelum tamat-nya tempoh tiga bulan dari tarikh yang bil itu di-sampaikan kepada-nya,

mengkehendaki peguambela dan peguamchara itu supaya menyerahkan, sebagai ganti bil itu, satu bil yang mengandongi butiran satu persatu. Manakala kehendak sedemikian di-buat maka bil jumlah kasar tidak lagi berkesan.

UNDANG2 IKTISAS PEGUAM, 1982

(3) Jika sesuatu tindakan di-mulakan atas sesuatu bil jumlah kasar, mahkamah hendak-lah, jika di-minta demikian oleh pihak yang di-kenakan membayar bil itu sebelum tamat-nya tempoh satu bulan dari penyampaian surat daawa atau surat perintah permulaan lain kepada pihak itu, memerentahkan supaya bil itu di-kenakan chukai.

(4) Jika sesuatu bil jumlah kasar di-kenakan chukai, sama ada di-bawah bab ini atau lain, tiada sebarang apa pun di-dalam bab ini akan menyentoh mana2 atoran2 mahkamah berthabit dengan pengenaan chukai. Peguambela dan peguamchara itu hendak-lah memberi kepada pegawai chukai butir2 mengenai mana2 perbelanjaan guaman yang di-liputi oleh bil itu sebagaimana yang pegawai chukai itu mungkin mengkehendaki.

50. (1) Saseorang peguambela dan peguamchara boleh mengambil jaminan daripada client-nya bagi perbelanjaan guaman-nya, untok di-tentukan dengan pengenaan chukai atau lain, berthabit dengan mana2 urusan yang di-pertikaikan yang akan di-lakukan oleh-nya.

Jaminan bagi perbelanjaan guaman dan penamatan perkhidmatan peguam.

(2) Jika saseorang peguambela dan peguamchara yang telah di-ambil perkhidmatan-nya oleh saseorang client untok menjalankan urusan yang di-pertikaikan meminta client itu untok membuat pembayaran sejumlah wang, ia itu sejumlah wang yang berpatutan kerana perbelanjaan guaman yang telah di-belanjakan atau akan di-belanjakan dalam menjalankan urusan itu dan client itu enggan atau gagal dalam masa yang munasabah untok membuat pembayaran itu, maka keengganan atau kegagalan itu ada-lah di-anggap sebagai sebab yang baik dengan mana peguambela dan peguamchara itu boleh, manakala memberikan notis yang berpatutan kepada client itu, menarek balek perkhidmatan-nya.

51. Terta'alok kepada sharat2 dari mana2 atoran2 mahkamah, atas tiap2 pengenaan chukai bagi perbelanjaan guaman berthabit dengan mana2 urusan yang di-pertikaikan, pegawai chukai boleh —

Pengenaan chukai berthabit dengan urusan yang di-pertikaikan.

- (a) membenarkan faedah dengan kadar dan dari masa yang di-fikirkan saksama keatas wang yang di-belanjakan oleh peguambela dan peguamchara itu bagi pihak client-nya, dan

UNDANG2 IKTISAS PEGUAM, 1982

keatas wang client-nya yang di-dalam tangan, dan dengan tidak sewajar-nya di-simpan oleh, peguambela dan peguamchara itu ; dan

- (b) dalam pada menentukan ganjaran bagi peguambela dan peguamchara, mempertimbangkan kecekapan, tenaga dan tanggungjawab yang terlibat dalam urusan yang telah di-lakukan oleh-nya.

Ganjaran – 'am

Pemasokan perbelanjaan² dalam bil perbelanjaan peguam.

52. Bil perbelanjaan saseorang peguambela dan peguamchara boleh di-masokkan belanja² yang kena di-bayar dalam menunaikan tanggungjawab yang telah di-belanjakan dengan sewajar-nya oleh-nya bagi pihak yang akan di-kenakan bayaran bil itu dengan tidak menghiraukan bahawa belanja² itu maseh belum di-bayar sebelum penyampaian bil itu kepada pihak itu ; tetapi belanja² itu —

- (a) hendak-lah di-huraikan dalam bil itu sebagai maseh belum di-bayar lagi ; dan
- (b) jika bil itu di-kenakan chukai, tidak boleh di-benarkan oleh pegawai chukai kechuali telah di-bayar sebelum pengenaan chukai itu di-sempurnakan.

Kuasa mahkamah untuk memerentahkan saseorang peguambela dan peguamchara supaya menyerahkan bil dsb.

53. (1) Mahkamah Tinggi ada-lah mempunyai bidangkuasa yang sama saperti bidangkuasa yang ada pada Mahkamah Tinggi di-England (berhubong dengan saseorang peguamchara) untuk membuat sesuatu perentah bagi penyerahan oleh saseorang peguambela dan peguamchara satu bil perbelanjaan dan untuk penyerahan keatas, atau tidak berhubong dengan, sebarang dokumen pada milek-nya, dan bagi pengenaan chukai bil itu manakala di-serahkan. Bidangkuasa itu yang dengan ini di-berikan kepada Mahkamah Tinggi itu ada-lah juga diperluaskan kepada kes² dalam mana tiada sebarang urusan telah di-lakukan oleh peguambela dan peguamchara itu dalam Mahkamah Tinggi.

(2) Sasebuah Mahkamah Majistret ada-lah mempunyai bidangkuasa yang sama seperti Mahkamah Tinggi untuk

UNDANG2 IKTISAS PEGUAM, 1982

membuat perentah2 pada membuat sharat sebagaimana yang di-sebutkan dalam cheraian (1) dalam perkara2 dimana bil perbelanjaan peguam atau dokumen2 itu berhubung pada keselurohan-nya atau sebahagian-nya dengan urusan yang di-pertikaikan yang di-lakukan oleh peguambela dan peguamchara itu dalam Mahkamah Majistret itu.

(3) Di-dalam bab ini dan di-dalam bab2 54 hingga 56 "peguambela dan peguamchara" termasuk wasi2, pentadbir2 dan penerima2 serahak bagi peguambela dan peguamchara.

54. (1) Terta'alok kapada sharat2 dari Undang2 ini, tiada sebarang tindakan boleh di-ambil untok mendapatkan balek sebarang perbelanjaan yang seharusnya di-bayar kapada sesaorang peguambela dan peguamchara sebelum tamat-nya masa satu bulan dari tarikh yang bil bagi perbelanjaan itu di-serahkan menurut kehendak2 yang di-sebutkan dalam cheraian (2) ; tetapi jika ada sebab yang berkemungkinan untok memperchayai bahawa pehak yang boleh di-kenakan bayaran perbelanjaan itu —

Tindakan untok mendapatkan balek perbelanjaan peguambela dan peguamchara.

- (a) kira2 akan meninggalkan Brunei, akan menjadi bankrap atau akan melangsaikan dengan sipiutang2-nya, atau
- (b) kira2 akan melakukan sebarang perbuatan lain yang boleh menghalang atau melambatkan peguambela dan peguamchara itu dari memperolehi pembayaran,

Mahkamah Tinggi boleh, dengan tidak menghiraukan bahawa satu bulan maseh belum tamat daripada penyerahan bil itu, memerentahkan supaya peguambela dan peguamchara itu mendapat kebebasan untok memulakan sesuatu tindakan untok mendapatkan balek perbelanjaan-nya dan boleh memerentahkan supaya perbelanjaan itu di-kenakan chukai.

(2) Kehendak2 yang di-sebutkan dalam cheraian (1) ialah bahawa bil itu hendak-lah —

- (a) di-tandatangani oleh peguambela dan peguamchara itu atau, jika perbelanjaan itu seharusnya di-bayar kapada sasebuah firma, oleh

UNDANG2 IKTISAS PEGUAM, 1982

salah seorang dari rakan2 firma itu, sama ada atas nama-nya sendiri atau atas nama firma itu, atau di-masokkan kedalam sampul, atau di-sertai dengan, surat yang telah di-tandatangani demikian dan merujuk kepada bil itu ; dan

- (b) di-serahkan kepada pihak yang akan dikenakan bayaran bil itu, sama ada sendiri atau dengan mengirimkan kepada-nya melalui pos ketempat perniagaan-nya, atau di-tinggalkan untok-nya di-tempat perniagaan-nya, rumah kediaman, atau tempat kediaman terakhir-nya yang di-ketahui ;

dan, jika sesuatu bil itu di-buktikan telah di-serahkan dengan memenohi kehendak2 itu, maka tidak-lah perlu pada mula-nya bagi peguambela dan peguamchara itu untok membuktikan kandungan2 bil itu dan ia-nya hendaklah di-jangka sehingga sebak-nya di-tunjokkan, sebagai bil sebenar yang memenohi Undang2 ini.

(3) Jika sesuatu bil perbelanjaan peguam itu adalah berhubung keseluruhan-nya atau sebahagian-nya dengan urusan yang di-pertikaikan yang di-lakukan dalam Mahkamah Majistret dan jumlah bil itu tidak melebihi lima ribu ringgit maka kuasa2 dan kewajipan2 mahkamah itu di-bawah bab ini dan bab2 55 dan 56 berhubung dengan bil itu boleh di-jalankan dan di-laksanakan oleh mana2 Mahkamah Majistret dalam mana mana2 dari urusan itu telah di-lakukan.

Pengenaan
chukai atas
permohonan
pihak yang
di-kenakan
bayaran atau
peguambela
dan
peguamchara.

55. (1) Jika sebelum tamat-nya masa satu bulan daripada penyerahan bil saseorang peguambela dan peguamchara satu permohonan ada-lah di-buat dengan saman, usul atau rayuan oleh pihak yang di-kenakan pembayaran bil itu, maka Mahkamah Tinggi boleh, tanpa mengkehendaki apa jua jumlah wang supaya di-bayar kemahkamah, memerentahkan supaya bil itu di-kenakan cukai dan supaya tidak sebarang tindakan di-mulakan keatas bil itu sehingga pengenaan cukai itu di-sempurnakan.

(2) Jika tiada sebarang permohonan sedemikian di-buat sebelum tamat-nya tempoh yang di-sebutkan dalam cheraian (1), maka ketika itu, atas sesuatu permohonan di-buat oleh peguambela dan peguamchara itu atau,

UNDANG2 IKTISAS PEGUAM, 1982

terta'alok kepada cheraian2 (3) dan (4), oleh pihak yang boleh di-kenakan pembayaran bil itu, maka mahkamah boleh atas syarat2 sedemikian, jika ada, sebagaimana yang di-fikirkan-nya patut (yang bukan syarat2 mengenai dengan harga pengenaan chukai), memerentahkan —

- (a) supaya bil itu di-kenakan chukai ; dan
- (b) supaya tiada sebarang tindakan di-mulakan keatas bil itu, dan supaya apa jua tindakan yang sudah di-mulakan di-tanggohkan sehingga pengenaan chukai itu di-sempurnakan.

(3) Jika sesuatu permohonan di-bawah cheraian (2) di-buat oleh pihak yang boleh di-kenakan pembayaran bil itu —

- (a) selepas tamat-nya masa dua belas bulan daripada penyerahan bil itu, atau
- (b) selepas sesuatu keputusan telah di-perolehi bagi mendapat bales perbelanjaan yang di-liputi oleh bil itu, atau
- (c) selepas bil itu telah di-bayar, tetapi sebelum tamat-nya masa dua belas bulan daripada pembayaran bil itu,

tiada sebarang perintah boleh di-buat kechuali dalam hal2 istimewa dan, jika sesuatu perintah di-buat, ia-nya boleh mengandungi syarat2 mengenai dengan harga pengenaan chukai sebagaimana yang mahkamah memikirkan patut.

(4) Kuasa untuk memerentahkan pengenaan chukai yang di-berikan oleh cheraian (2) tidak boleh di-jalankan atas sesuatu permohonan yang di-buat oleh pihak yang boleh di-kenakan pembayaran bil itu selepas tamat-nya masa dua belas bulan daripada pembayaran bil itu.

(5) Tiap2 perintah bagi pengenaan chukai sesuatu bil ada-lah mengkehendaki pegawai chukai untuk menchukai bukan sahaja bil itu bahkan juga harga pengenaan chukai itu dan untuk mengesahkan apa yang seharusnya di-bayar kepada atau oleh peguambela dan peguamchara itu berthabit dengan harga pengenaan chukai itu.

UNDANG2 IKTISAS PEGUAM, 1982

(6) Jika selepas di-berikan notis yang sewajar-nya atau apa jua pengenaan chukai salah sebuah pihak kapada-nya gagal menghadziri, pegawai itu boleh meneruskan pengenaan chukai itu bagi pihak-nya sendiri.

(7) Kechuali -

- (a) perintah bagi pengenaan chukai itu telah dibuat atas permohonan peguambela dan peguamchara dan pihak yang di-kenakan pembayaran tidak menghadziri pengenaan chukai itu, atau
- (b) perintah bagi pengenaan chukai atau sesuatu perintah di-bawah cheraian (8) men-sharatkan sebalek-nya,

perbelanjaan terhadap sesuatu pengenaan chukai hendaklah di-bayar menurut kejadian pengenaan chukai itu, ya'ani jika satu-per-lima dari jumlah bil itu di-chukai, maka peguambela dan peguamchara itu hendaklah membayar perbelanjaan itu, kalau tidak pihak yang boleh di-kenakan bayaran hendaklah membayar perbelanjaan itu.

(8) Pegawai chukai boleh mengesahkan kapada Mahkamah Tinggi apa jua hal istimewa yang berhubung dengan sesuatu bil atau berhubung dengan pengenaan chukai sesuatu bil, dan mahkamah boleh membuat sesuatu perintah berthabit dengan harga pengenaan chukai yang mungkin di-fikirkan-nya perlu.

Pengenaan
chukai atas
permohonan
pihak2 ketiga.

56. (1) Jika seseorang selain dari pihak yang boleh di-kenakan bayaran bil itu bagi maksud2 bab 55 telah membayar, atau bertanggungjawab atau telah bertanggungjawab untok membayar, sesuatu bil sama ada kapada peguambela dan peguamchara atau kapada pihak yang boleh di-kenakan bayaran bil itu, maka orang itu atau wasi2, pentadbir2 atau penerima2 serahak-nya boleh memohon kapada Mahkamah Tinggi dengan chara saman, usul atau rayuan bagi mendapatkan perintah terhadap pengenaan chukai bil itu seolah2 ia-nya ia-lah pihak yang boleh di-kenakan bayaran-nya, dan mahkamah boleh membuat perintah yang sama (jika ada) sebagaimana ia mungkin membuat-nya kalau-lah sekira-nya permohonan itu telah di-buat oleh pihak yang boleh di-kenakan bayaran bil itu.

UNDANG2 IKTISAS PEGUAM, 1982

(2) Jika mahkamah tidak mempunyai sebarang kuasa untok membuat sesuatu perintah oleh sebab cheraian (1) kechuali dalam keadaan yang khas ia boleh, dalam mempertimbangkan sama ada terdapat keadaan yang khas untok memaututkan di-buat sesuatu perintah, mengambil kira keadaan yang menyentoh pemohon-nya tetapi tidak menyentoh pihak yang boleh di-kenakan bayaran bil itu.

(3) Jika seseorang pemegang amanah, wasi atau pentadbir telah menjadi bertanggungjawab untok membayar sesuatu bil bagi seseorang peguambela dan peguamchara, maka ketika itu, atas permohonan dengan chara saman, usul atau rayuan oleh mana2 orang yang mempunyai kepentingan dalam sebarang harta daripada mana pemegang amanah, wasi atau pentadbir-nya telah membayar, atau berhak membayar, bil itu maka Mahkamah Tinggi boleh memerentahkan —

- (a) supaya bil itu di-chukai atas syarat2, jika ada, yang di-fikirkan-nya patut ; dan
- (b) supaya pembayaran2 sedemikian, berthabit dengan jumlah wang yang di-dapati seharusnya di-bayar kepada atau oleh peguambela dan peguamchara-nya dan berthabit dengan perbelanjaan pengenaaan chukai itu, di-buat kepada atau oleh pemohon itu, kepada atau oleh peguambela dan peguamchara-nya, atau kepada atau oleh wasi, pentadbir atau pemegang amanah itu, sebagaimana yang di-fikirkan-nya patut.

(4) Dalam mempertimbangkan sebarang permohonan di-bawah cheraian (3) mahkamah hendak-lah mengambil perhatian —

- (a) terhadap syarat2 bab 55 tentang permohonan2 oleh pihak yang boleh di-kenakan terhadap pengenaaan chukai bagi bil seseorang peguambela dan peguamchara setakat yang syarat2 itu boleh di-kenakan kepada sesuatu permohonan yang di-buat di-bawah cheraian itu ;
- (b) terhadap luas-nya dan jenis kepentingan pemohon itu.

UNDANG2 IKTISAS PEGUAM, 1982

(5) Jika seseorang pemohon di-bawah cheraian (3) membayar sebarang wang kepada peguambela dan peguamchara, maka ia ada-lah mempunyai hak yang sama untuk di-bayar wang itu oleh pemegang amanah, wasi atau pentadbir-nya yang boleh di-kenakan bayaran bil itu sepertimana peguambela dan peguamchara itu mempunyai hak tersebut.

(6) Kechuali dalam keadaan yang khas, tiada sebarang perintah boleh di-buat atas sesuatu permohonan di-bawah bab ini bagi pengenaan chukai terhadap sesuatu bil yang sudah pun di-chukai.

(7) Jika mahkamah atas sesuatu permohonan di-bawah bab ini memerintahkan supaya sesuatu bil itu di-chukai, maka ia boleh memerintahkan peguambela dan peguamchara supaya menyerahkan kepada pemohon-nya satu salinan bil itu atas bayaran terhadap perbelanjaan salinan itu.

Sharat2
tambahan
mengenai
pengenaan
chukai.

57. (1) Tiap2 permohonan bagi sesuatu perintah bagi pengenaan chukai terhadap bil seseorang peguambela dan peguamchara atau bagi penyerahan bil-nya dan bagi penyerahan oleh-nya sebarang dokumen dalam milek, jagaan atau kuasa-nya hendak-lah di-buat berkenaan dengan peguambela dan peguamchara itu.

(2) Sijil pegawai yang menchukai oleh siapa mana2 bil telah di-chukai ada-lah, kechuali ia-nya di-ketepikan atau di-ubah oleh mahkamah, mu'tamad mengenai dengan jumlah perbelanjaan yang di-liputi oleh-nya. Mahkamah boleh membuat sesuatu perintah berhubung dengan sijil itu sebagaimana yang di-fikirkan-nya patut, termasuk, dalam perkara di-mana bayaran perkhidmatan tidak di-pertikaikan, sesuatu perintah supaya keputusan di-berikan bagi jumlah wang yang di-sahkan itu di-bayar termasuk perbelanjaan.

Perintah2
mengenai
belanja.

58. (1) Terta'alok kepada cheraian (2), mana2 mahkamah dalam mana seseorang peguambela dan peguamchara telah di-ambil berkhidmat untuk mendaawa atau membela apa jua tuntutan, perkara atau tindakan boleh pada bila2 masa —

(a) mengishtiharkan peguambela dan peguamchara itu berhak mengenakan belanja keatas

UNDANG2 IKTISAS PEGUAM, 1982

sebarang harta yang di-perolehi kembali atau di-jaga dengan perantaraan-nya bagi perbelanjaan-nya yang telah di-chukai berhubung dengan tuntutan, perkara atau tindakan itu ; dan

- (b) membuat perentah2 bagi pengenaan chukai terhadap perbelanjaan2 itu dan bagi mendapatkan wang untok membayar atau kerana membayar-nya daripada harta yang di-perolehi kembali atau di-jaga sebagaimana yang mahkamah fikirkan patut ;

dan semua penyerahan (conveyances) dan tindakan2 yang di-lakukan untok mematahkan, atau di-jalankan untok mematahkan, pengenaan belanja itu ada-lah, kechuali dalam perkara penyerahan (conveyance) kepada pembeli yang jujur terhadap nilai harga tanpa notis, tidak sah untok peguambela dan peguamchara itu.

(2) Tiada sebarang perentah boleh di-buat di-bawah cheraian (1) jika hak untok memperoleh kembali perbelanjaan2 itu di-halang oleh apa jua undang2 bertulis berhubung dengan had tempoh.

59. (1) Ganjaran bagi saseorang peguambela dan peguamchara berthabit dengan urusan yang di-pertikaikan yang di-lakukan oleh-nya dalam sasebuah Mahkamah Majistret hendak-lah di-ator menurut bab2 44 hingga 58, dan bagi maksud itu bab2 itu ada-lah mempunyai kuatkuasa terta'alok kepada syarat2 yang berikut dari bab ini.

Sharat2 khas mengenai urusan yang di-pertikaikan yang di-lakukan di-Mahkamah2 Majistret.

(2) Pendaftar mahkamah2 rendah hendak-lah menjadi pegawai yang menchukai bagi sasebuah Mahkamah Majistret tetapi apa jua pengenaan chukai terhadap perbelanjaan2 oleh-nya boleh di-kaji semula oleh saseorang Majistret atas permohonan dari mana2 pihak kepada pengenaan chukai itu.

(3) Jumlah yang boleh di-benarkan bagi pengenaan chukai terhadap sebarang perbelanjaan atau bil perbelanjaan berthabit dengan apa jua fasal berhubung dengan perbicharaan di-dalam sasebuah Mahkamah Majistret tidak boleh, kechuali setakat yang atoran2 mahkamah mungkin mempersyaratkan sebak-nya, melebehi jumlah yang mungkin di-benarkan berthabit dengan fasal itu di-antara satu pihak dengan pihak lain dalam perbicharaan itu.

UNDANG2 IKTISAS PEGUAM, 1982

(4) Bagi maksud2 bab ini jumlah yang mungkin di-benarkan bagi pengenaan chukai terhadap sebarang perbelanjaan atau bil perbelanjaan berthabit dengan sesuatu fasal seperti yang mengenai dengan satu pihak dengan pihak lain berhubung dengan perbicharaan di-dalam sasebuah Mahkamah Majistret ada-lah, terta'alok kepada atoran2 mahkamah, jumlah sebagaimana yang pegawai yang menchukai, atau, dalam perkara pengkajian semula di-bawah cheraian (2), saseorang Majistret, boleh menentukan sebagai munasabah dengan mengambil perhatian mengenai dengan jenis perbicharaan serta jumlah tuntutan dan sebarang tuntutan balas.

Perbelanjaan
Kerajaan.

60. Tiada sebarang apa pun di-dalam Undang2 ini akan menyentoh hak, yang dengan ini di-ishtiharkan, Kerajaan manakala di-wakili oleh mana2 dari orang2 yang disebutkan dalam bab 20(1)(a) untok memperolehi kembali perbelanjaan yang telah di-anugerahkan kapada-nya dalam atau berthabit dengan sebarang guaman atau perkara. Dalam mana2 guaman atau perkara sedemikian perbelanjaan Kerajaan hendak-lah di-chukai menurut mana2 atoran2 yang berkuatkuasa pada masa itu bagi pengenaan chukai terhadap bayaran dan perbelanjaan peguambela2 dan peguamchara2 seolah2 seorang peguambela dan peguamchara Mahkamah Besar yang bukan dalam perkhidmatan Kerajaan telah hadzir bagi pihak Kerajaan.

Pengechualian
bagi undang2
bertulis lain
yang tertentu.

61. Tiada sebarang apa pun di-dalam Bahagian ini akan menyentoh apa jua undang2 bertulis yang lain yang tidak di-mansokhkan dengan nyata oleh Undang2 ini yang memberi kuasa untok membuat undang2 kechil atau untok memberi arahan2 berthabit dengan perbelanjaan, atau yang mempersharatkan supaya apa jua undang2 kechil sedemikian atau arahan yang telah di-buat atau di-berikan di-bawah sebarang undang2 bertulis yang dahulu hendak-lah terus berkuatkuasa.

UNDANG2 IKTISAS PEGUAM, 1982

BAHAGIAN VIII

RAMPAIAN DAN 'AM

Majlis Undang2 Brunei

62. (1) Sultan dan Majlis Mashuarat boleh dengan Perintah —

Kebenaran
untuk
menubuhkan
Majlis
Undang2.

- (a) menubuhkan sekumpulan wakil iktisas undang2 di-dalam Negeri yang akan di-gelar Majlis Undang2 Brunei ;
- (b) menentukan perlembagaan dan kuasa2 Majlis tersebut ; dan
- (c) meminda Undang2 ini setakat yang di-anggap mustahak oleh Sultan dalam Majlis Mashuarat untuk membuat syarat bagi atau memberi kemudahan kepada sebarang tugas tatatertib atau lain Majlis tersebut (atau sesiapa jua atau pegawai-nya) selaku kumpulan wakil iktisas Undang2 di-dalam Negeri.

(2) Dengan tidak menyentoh keluasan ma'ana cheraian (1), sesuatu Perintah yang di-buat di-bawah cheraian itu boleh —

- (a) membuat syarat bagi mana2 dari perkara2 yang di-nyatakan dalam Jadual Pertama ;
- (b) mengadakan syarat bagi penubohan, pemeliharaan, pentadbiran dan penggunaan oleh Majlis tersebut, daripada hasil ahli2-nya, satu kumpulan wang untuk di-sediakan sebagai kumpulan wang pampasan bagi sesiapa jua yang mungkin menanggung kerugian akibat dari ketidak-jujukan oleh pihak mana2 peguambela dan peguamchara atau mana2 kerani atau pekerja-nya berkaitan dengan amalan-nya di-Brunei atau berkaitan dengan apa jua amanah di-Brunei terhadap mana peguambela dan peguamchara itu menjadi pemegang amanah-nya ;
- (c) meminda sebarang undang2 bertulis untuk mensyaratkan pegechualian2 dari syarat2

UNDANG2 IKTISAS PEGUAM, 1982

Undang2 Setem (Stamp Enactment) atau Undang2 Chukai Pendapatan (Income Tax Enactment) sebagaimana yang Sultan dalam Majlis Mashuarat menganggap mustahak berhubung dengan harta Majlis tersebut atau sebarang harta mana2 orang yang mana ada-lah sebagai hadiah atau pemberian kepada Majlis tersebut ; dan

- (d) menghendaki bahawa tiada sebarang penguambela dan peguamchara boleh menjalankan amalan sedemikian kechuali ia menjadi ahli Majlis tersebut.

Majlis Undang2 akan menjadi pertubohan yang di-perbadankan, dsb.

63. Majlis Undang2 Brunei hendak-lah menjadi sebuah pertubohan yang di-perbadankan (body corporate) yang turun-temurun (perpetual succession) dan mempunyai meterai biasa (common seal) dan mempunyai kuasa, terta'alok kepada syarat2 dari Undang2 ini dan dari sebarang Perintah di-bawah bab 62(1), untok mendaawa dan di-daawa atas nama pertubohan-nya dan untok mengambil dan melepaskan harta-benda, kedua2-nya yang boleh dan tidak boleh di-gerak dan untok melakukan dan melaksanakan perbuatan2 lain sebagaimana yang pertubohan2 yang di-perbadankan boleh dari segi undang2 melaksanakan.

Akaun Bank yang di-simpan oleh peguambela2 dan peguamchara2

Akaun bank.

64. Jika saseorang peguambela dan peguamchara menyimpan akaun dengan sasebuah bank menurut atoran2 di-bawah bab 23 —

- (a) bank tidak-lah wajib menanggung sebarang apa pun, atau bertanggungjawab untok membuat sebarang siasatan, atau di-anggap mempunyai sebarang pengetahuan mengenai apa jua hak mana2 orang terhadap apa jua wang yang telah di-bayar atau di-kredit kedalam akaun, yang ia tidak akan wajib menanggung atau bertanggungjawab atau di-anggap mempunyai dalam perkara sesuatu akaun yang di-simpan oleh saseorang yang berhak sama-sekali terhadap segala wang yang telah di-bayar atau di-kreditkan kedalam-nya ; dan

UNDANG2 IKTISAS PEGUAM, 1982

- (b) bank tidak boleh mengambil sebarang tindakan atau mempunyai hak terhadap wang yang maseh ada baki-nya dalam akaun, bertabit dengan apa jua tanggungjawab peguambela dan peguamchara terhadap bank, selain dari tanggungjawab yang berkaitan dengan akaun itu.

Tambahan

65. (1) Dengan tidak menyentoh sebarang kuasa lain untuk membuat atoran2, Hakim Besar dengan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh membuat atoran2 yang tidak berlawanan dengan syarat2 dari Undang2 ini sebagaimana yang ia mungkin memikirkan perlu atau mustahak bagi maksud2 Undang2 ini.

Atoran2.

(2) Dengan tidak menyentoh keluasan ma'ana cheraian (1), atoran2 yang di-buat di-bawah cheraian itu boleh —

- (a) mengator amalan professional, tatasusila, kelakuan dan tatatertib peguambela2 dan peguamchara2 ;
- (b) menentukan kelayakan2 lain bagi maksud2 bab 3 (a) dan (e) ;
- (c) menentukan kehendak2 dan syarat2 perkhidmatan bagi tempoh "pupillage" bagi orang2 yang berkelayakan semua syarat bagi sebarang pengechualian dari semua atau mana2 bahagian dari perkhidmatan sedemikian ; dan
- (d) menentukan apa jua bayaran atau hal lain yang di-benarkan atau di-kehendaki supaya di-tentukan di-bawah mana2 syarat dari Undang2 ini.

66. (1) Sebutan2 di-dalam sebarang undang2 bertulis yang lain atau di-dalam mana2 suratchara mengenai dengan seseorang peguambela hendak-lah di-tafsirkan sebagai sebutan2 mengenai dengan seseorang peguambela dan peguamchara.

Pindaan2 yang berbangkit, pemansokhan dan syarat2 peralehan.

UNDANG2 IKTISAS PEGUAM, 1982

22 tahun

(2) Undang2 Peguambela2, 1957 (The Advocates Enactment, 1957) ada-lah dengan ini di-mansokhkan.

(3) Syarat2 peralehan yang terkandung di-dalam Jadual Kedua ada-lah mempunyai kuatkuasa.

5 tahun

(4) Tiada sebarang apa pun di-dalam Undang2 ini boleh di-anggap sebagai menyentoh kuatkuasa bab 10 dari Undang2 Tafsiran dan Perkara2 'Am, 1959 (yang berhubong dengan kesan pemansokhan2 pada 'am-nya).

JADUAL PERTAMA

PERLEMBAGAAN DAN KUASA2 MAJLIS UNDANG2 BRUNEI

PERKARA2 BERTHABIT DENGAN MANA SHARAT BOLEH DI-BUAT DENGAN PERENTAH DI-BAWAH BAB 62

1. Maksud2 dan kuasa2 Majlis tersebut, termasuk pemberian kuasa kepada Majlis tersebut terta'alok kepada syarat2 dari Undang2 ini, untok membuat undang2 kechil dengan persetujuan Hakim Besar bagi menguatkuasakan sebarang Perentah di-bawah bab 62.
2. Pelawat2 Majlis tersebut dan kuasa2 serta keistimewaan mereka.
3. Golongan2, kelayakan2 dan chara2 kemasokan ahli2 serta ahli2 kehormat bagi Majlis tersebut.
4. Keistimewaan2 ahli2 atau golongan2 ahli2 lain Majlis tersebut.
5. Pembuangan dan penggantongan hak2 dan keistimewaan2 ahli2 Majlis tersebut.
6. Penamatan kelayakan ahli2 Majlis tersebut.
7. Perlantikan pegawai2 Majlis tersebut, tatachara bagi pemilehan atau perlantikan mereka dan penentuan tugas2 mereka.
8. Persidangan2 Majlis tersebut, termasuk pemberian kuasa kepada Majlis tersebut untok mengator bagi mengadakan sebarang persidangan serta pengundian dan tatachara di-persidangan itu dengan undang2 kechil yang di-buat, dengan persetujuan Hakim Besar, oleh Majlis tersebut.
9. Perwakilan Majlis tersebut dalam mahkamah2.

UNDANG2 IKTISAS PEGUAM, 1982

10. Kandungan badan yang mentadbir Majlis tersebut yang akan di-gelar "Jema'ah" yang mungkin termasuk sebilangan dari ahli2 yang di-lantek dan di-pilih sebagaimana yang mungkin di-tentukan dalam Perintah tersebut, termasuk kehendak bahawa sebahagian daripada-nya yang mungkin di-tentukan hendak-lah dari ra'ayat Brunei.
11. Tatachara bagi perlantekan dan pemilehan ahli2 yang di-lantek bagi Majlis tersebut.
12. Pengosongan jawatan ahli2 Jema'ah tersebut.
13. Memenuhi kekosongan2 luar jangka dalam Jema'ah tersebut.
14. Gelaran pegawai2 Jema'ah tersebut, tatachara pemilehan atau perlantekan mereka serta penentuan tugas2 mereka.
15. Tugas2 dan kuasa2 Jema'ah tersebut berhubung dengan Majlis tersebut dan 'am-nya.
16. Perlantekan jawatankuasa2 bagi Jema'ah tersebut (yang mungkin termasuk ahli2 Majlis tersebut yang bukan ahli2 Jema'ah tersebut) dan mewakilkan kepada mereka tugas2 dan kuasa2 Jema'ah tersebut.
17. Penetapan oleh Jema'ah tersebut yuran2 tahunan serta pengenaan2 bayaran bagi maksud2 Majlis tersebut termasuk pemberian kuasa kepada Jema'ah untuk mengkehendaki supaya jumlah2 yang berlainan hendak-lah di-bayar oleh golongan2 ahli2 lain dan bagi tempoh2 lain.
18. Penerimaan, pendaftaran dan pentadbiran oleh Jema'ah tersebut bagi pihak Majlis tersebut apa jua pemberian, anugerah, wasiat atau pemindahan (disposition) harta.
19. Persidangan2 Jema'ah tersebut, termasuk pemberian kuasa kepada Majlis tersebut untuk mengator bagi mengadakan apa jua persidangan sedemikian serta pengundian dan tatachara-nya di-persidangan itu dengan undang2 kecil yang di-buat, dengan persetujuan Hakim Besar, oleh Majlis tersebut.
20. Penggantian wang yang telah di-belanjakan oleh ahli2 Jema'ah daripada kumpulan wang Majlis tersebut kerana perbelanjaan yang telah di-lakukan oleh mereka berhubung dengan hal-ehwal Majlis tersebut.

UNDANG2 IKTISAS PEGUAM, 1982

JADUAL KEDUA

SHARAT2 PERALEHAN

1. Di-dalam Jadual ini —

“Undang2 yang telah di-mansokhkan” berma'ana Undang2 Peguambela2, 1957 (The Advocates Enactment, 1957) ; dan

No. 22 tahun
1957

“daftar dahulu” berma'ana daftar peguambela2 yang di-simpan di-bawah bab 3 dari Undang2 yang telah di-mansokhkan.

2. (1) Ketua Pendaftar hendak-lah memindahkan kedaf-tar nama2 semua orang yang di-dalam daftar dahulu dengan tarikh kemasokkan2 mereka masing2 mengikut susunan.

(2) Dalam pada memindahkan nama2 itu Ketua Pen-daftar boleh meninggalkan nama mana2 orang yang di-ketahui oleh Ketua Pendaftar —

- (a) sudah meninggal dunia ; atau
- (b) sebagai seorang yang sebaik2 sahaja sebelum berjalan-nya kuatkuasa Undang2 ini —
 - (i) biasa-nya bukan penduduk di-Brunei ; dan
 - (ii) tidak mempunyai sesuatu sijil yang sah untuk menjalankan amalan di-bawah bab 9 dari Undang2 yang telah di-mansokhkan ; dan
 - (iii) tidak mengendalikan, dan bukan seorang ahli atau pekerja sasebuah firma peguambela2 yang mengendalikan sebuah tempat perniagaan di-Brunei yang sesuai bagi menjalankan amalan seorang peguambela atau sebuah firma peguambela2, yang mana satu berke-naan.

UNDANG2 IKTISAS PEGUAM, 1982

3. Sesiapa jua yang nama-nya di-tinggalkan di-bawah perenggan kechil (2)(ii) boleh memohon kepada Ketua Pendaftar, yang boleh dengan serta-merta memasokkan nama pemohon itu kedalam daftar jika berpuashati bahawa nama itu telah di-keluarkan daripada daftar dengan kekhilafan.

4. Tiap2 orang yang nama-nya telah di-masokkan dalam daftar di-bawah syarat2 Jadual ini ada-lah di-anggap telah di-terima masok dengan sempurna-nya di-bawah syarat2 dari Undang2 ini.

Di-luluskan pada 9 haribulan Disember, 1982.

DATO PADUKA HAJI JUDIN HAJI ASAR
Jurutulis,
Majlis2 Mashuarat Negeri,
Brunei.